

ثَقِيْن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"WAWASAN turut mengenal pasti keperluan sumber manusia yang berilmu. Ini juga penting, nisbah kita sebuah negara kecil yang mempunyai penduduk, yang juga amat kecil. Sumber manusia berkualiti adalah faktor penentu kepada keupayaan negara untuk menikmati kemajuan secara berpanjangan."
- Titah Sempena Menyambut Perayaan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 27 Safar 1430H / 23 Februari 2009M.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Jauhlah kebanyakan daripada prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Hujurat, ayat 12).

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit


TAHUN 62 / BILANGAN 12

28 JANUARI 2017 / 30 ربيع الأخير 1438

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pengiran Hajah Siti Hawa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pengiran Hajah Siti Hawa binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman di Baitul Athirah, kediaman paduka adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Jefriah di Jalan Gadong, di sini.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, paduka-paduka adinda, putera-putera dan puteri-puteri Kebawah DYMM serta kerabat diraja yang lain.

Ke muka 3



Muka 7

BRUNEI - India perluas hubungan ekonomi dan perdagangan

Wadah memantapkan jalinan akrab raja dan rakyat

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, bersabda menyeru agar setiap ahli yang dilantik akan sepakat bekerjasama dan komited dalam sama-sama memberikan buah fikiran dan mengongsikan pengalaman-pengalaman masing-masing ke arah memastikan kesempurnaan dan kelancaran persediaan, perancangan serta pelaksanaan setiap acara-acara sambutan nanti.

Ke muka 5

Kibarkan bendera bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Rakyat dan penduduk negara ini diseru supaya sama-sama mengibarkan bendera bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33 Tahun 2017 di rumah-rumah kediaman

masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu cucul di Bangunan-Bangunan Kerajaan dan sektor swasta mulai hari Khamis, 19 Jamadilawal 1438 bersamaan 16 Februari 2017 sehingga hari Sabtu, 28 Jamadilawal 1438 bersamaan 25

Februari 2017.

Sehubungan itu, Pengiran-Pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula akan mengibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam.

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Bijaksana atur rangka persediaan dan persiapan

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas rahmat dan taufik-Nya jua mengizinkan kita hadir selaku Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 Tahun bagi Tahun 2017 di Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada pagi ini.

Peramba / kaola / saya sukacita menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar, Grand Chamberlain; dan mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Pehin-Pehin, Yang Mulia Dato-Dato, Tuan-Tuan dan Puan ke Mesyuarat Kali Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada pagi ini. Ini jelas mencerminkan sikap perhatian dan komitmen semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan dalam sama-sama akan berusaha untuk melaksanakan dan mengukuhkan tanggungjawab membuat persediaan-persediaan dan persiapan-persiapan bagi memeriahkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Negara kita akan merayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 Tahun pada tahun ini dan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan berpeluang dalam mengukuhkan, menyertai dan meraikannya dalam acara-acara yang akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan. Menerusi peluang seumpama ini kita berharap ianya akan memberikan pengertian yang sangat mendalam kepada setiap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini dalam menzahirkan rasa kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala ke atas limpah rahmat dan nikmat-Nya yang menjadikan negara ini di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus menikmati keamanan dan keharmonian dengan seluruh lapisan rakyat dan penduduknya hidup bersatu padu.

Dalam hubungan ini, peramba / kaola / saya sukacita menyebarkan dan memaklumkan bahawa Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melimpahkan kurnia perkenan bagi pelantikan Penaung-Penaung dan Penasihat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apung, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun Bagi Tahun 2017 semasa berucap pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun Bagi Tahun 2017 pada hari Selasa, 19 Rabiulakhir 1438 Hijrah bersamaan 17 Januari 2017 Masihi di Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan.

Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 iaitu:

a. Penaung-Penaung :

i. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan

ii. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

b. Penasihat

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

c. dan Lantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan yang hadir pada hari ini

Dalam kesempatan ini, peramba / kaola / saya menyebarkan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Berhormat dan Yang Dimuliakan Pehin-Pehin, Yang Mulia Dato-Dato, Tuan-Tuan dan Puan di atas limpah kurnia perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas lantikan sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-71 Tahun. Mesyuarat pada pagi ini diadakan adalah pada menyusuli penubuhan

dan pembentukan jawatankuasa tersebut dan pelantikan ahli-ahli dengan tujuan untuk merancang dan melaksanakan persediaan dan persiapan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-71 Tahun.

Peramba / kaola / saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Mulia Dato Paduka Haji Idris bin Haji Abas di atas limpah kurnia perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pelantikan sebagai ahli baharu Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-71 Tahun.

Peramba / kaola / saya selaku Pengerusi dan juga bagi mewakili semua Ahli Jawatankuasa Kebangsaan dengan penuh hormat serta takzimnya sukacita menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia perkenan pelantikan ini.

Bagi sama-sama menjunjung kurnia titah pelantikan baginda itu, adalah diharapkan supaya Jawatankuasa Kebangsaan ini dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Peringkat Daerah, Jawatankuasa - Jawatankuasa dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang akan dibentuk untuk mengendalikan acara-acara sambutan termasuklah acara-acara utama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan ini akan terus memberikan kerjasama, khidmat bakti, komitmen serta buah fikiran dalam kita bersama-sama membuat persediaan awal bagi memastikan suasana kemeriah dan kesempurnaan acara-acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 pada tahun supaya berjalan dengan baik dan teratur dan ke arah yang lebih baik.

Sebagaimana titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Awal Tahun Masihi 2017 bahawa "Menjelang tahun 2017 ini, akan berlaku satu lagi sejarah, apabila InsyaaAllah, negara akan merayakan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Sambutan ini sangat besar ertinya, sebagai cara, untuk kita menghargai sejarah," demikian titah baginda.

Sehubungan ini, adalah amat mustahak untuk kita menumpukan perhatian untuk membuat perancangan yang rapi dan sebaik-baiknya acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mengambil ingatan akan perayaan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Ke muka 4

Dari Sidang
Pengarang.

28 JANUARI 2017 BERSAMAAN 1438 ربيع الآخر 30

PENDIDIKAN POLITEKNIK BOLEH MEMBANTU CAPAI WAWASAN

PENDIDIKAN politeknik merupakan institusi pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai jurusan terutamanya dalam bidang sains dan teknik. Ia sudah lama bertapak di negara-negara luar dan negara kita juga tidak ketinggalan dalam menerokai pendidikan politeknik.

Ini merupakan salah satu perubahan positif dalam bidang pendidikan yang memberikan banyak manfaat kepada para penuntut dengan memberikan lebih banyak pilihan dalam menentukan bidang pelajaran yang hendak diceburi yang setentunya akan membantu menentukan hala tuju kehidupan mereka selepas selesai menjalani pendidikan formal.

Mengimbas kembali sejarah penubuhan politeknik di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan bagi penubuhan politeknik semasa bertitah sempena sambutan Hari Guru pada 18 Oktober 2008.

Hasrat untuk menubuhkan Politeknik Brunei ialah bagi mengambil alih peranan Institut Teknologi Brunei (sekarang dikenali sebagai Universiti Teknologi Brunei) dalam menawarkan program-program teknikal di peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan atau Higher National Diploma (HND) selepas UTB dinaik taraf ke status universiti.

Pada Januari 2012, Politeknik Brunei memulakan operasi di kampus sementara bertempat di Jalan Ong Sum Ping. Pada masa itu, Politeknik Brunei merupakan politeknik pertama di negara ini menawarkan sembilan program diploma lanjutan dengan kemasukan 401 pelajar. Sekarang, Politeknik Brunei mempunyai kira-kira 1,550 penuntut melalui 21 program yang dijalankan di tiga tempat berasingan termasuk kampus di Jalan Ong Sum Ping.

Perkembangan positif boleh terus dilihat dengan adanya pendidikan politeknik di negara ini. Ini lebih ketara lagi dengan seramai 375 graduan dianugerahkan sijil diploma dalam pelbagai jurusan pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3 2017 baru-baru ini. Sementara itu sebelum ini, Politeknik Brunei juga berjaya melahirkan 907 graduan.

Seperti ujar Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, pencapaian Politeknik Brunei dalam melahirkan para graduan merupakan satu tanda positif yang menunjukkan bahawa Politeknik Brunei turut memainkan peranan yang kritikal terhadap usaha Kementerian Pendidikan dalam mencapai Wawasan Negara 2035 iaitu mempunyai rakyat yang berkualiti, berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Ini juga adalah selaras dengan Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan 1.5 yang dihasrat untuk mencapai sasaran yang sentiasa meningkat bagi kemasukan ke dalam pendidikan pasca-menengah termasuk Politeknik Brunei.

Pendidikan politeknik mungkin sahaja baharu bagi sesetengah yang sudah terbiasa dengan pendidikan konvensional. Bagaimanapun masa sudah berubah dan bidang pendidikan juga berkembang serta sering disesuaikan dengan perubahan dan keperluan dunia hari ini.

Dengan adanya pendidikan politeknik di negara ini, adalah diharap ia akan memberi impak yang sangat positif kepada para pelajar dan juga kepada pembangunan serta kemajuan negara. Ia juga diharap akan memainkan peranan penting dalam sama-sama mencapai Wawasan Negara 2035. — **Ketua Penyuntingan (Ss).**

Ramalan Cuaca 3 Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
32°C 25°C	32°C 25°C	31°C 25°C
32°C 26°C	32°C 25°C	31°C 25°C
32°C 25°C	32°C 24°C	30°C 24°C
32°C 25°C	32°C 24°C	31°C 24°C
32°C 25°C	33°C 25°C	31°C 25°C
32°C 25°C	32°C 25°C	31°C 25°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28	SABTU	30	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43
29	AHAD	1 JAMADILAWAL	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43
30	ISNIN	2	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
31	SELASA	3	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
1 FEBRUARI	RABU	4	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
2	KHAMIS	5	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
3	JUMAAT	6	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC
123
2380214

Berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pengiran Hajah Siti Hawa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pengiran Hajah Siti Hawa.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pengiran Hajah Siti Hawa binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman di Baitul Athirah, kediaman paduka adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Jefriah di Jalan Gadong.

Dari muka 1

Sembahyang Jenazah diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Allahyarham Pengiran Hajah Siti Hawa kembali ke rahmatullah sekitar jam 7.30 pagi di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada usia 84 tahun.

Semasa hayatnya, Allahyarham Pengiran Hajah Siti Hawa dikurniakan Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam, Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B) dan Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (P.H.B.S).

Allahyarham Pengiran Hajah Siti Hawa telah selamat disemadikan di Kubah Makam Diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pengiran Hajah Siti Hawa.

Berkenan menghantar perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor-General Komanwel Australia, The Honourable Sir General Peter Cosgrove, AK MC (Retired) dan Perdana Menteri Komanwel Australia, The Honourable Malcolm Turnbull, MP bersempena dengan Hari Australia. Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi bersempena dengan Hari Republik India.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor-General Komanwel Australia, The Honourable Sir General Peter Cosgrove, AK MC (Retired) dan Perdana Menteri Komanwel Australia, The Honourable Malcolm Turnbull, MP serta kerajaan dan rakyat Australia bersempena dengan Hari Australia.

Dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Governor-General Komanwel Australia, His Honourable Sir

General Peter Cosgrove, baginda merakamkan penghormatan di atas persahabatan mesra yang sekian lama terjalin di antara kedua-dua buah negara, khususnya dalam pertukaran para belia dan penuntut, dan seterusnya baginda berharap semoga perhubungan yang penting ini dapat diteruskan lagi di tahun-tahun mendatang.

Sementara dalam titah perutusan Kebawah DYMM kepada Perdana Menteri Komanwel Australia, His Honourable Malcolm Turnbull, MP, baginda merakamkan kegembiraan dapat terus bekerja bersama dengan Tuan Yang Terutama dalam meningkatkan kerjasama dan persahabatan yang mesra termasuk kejayaan terhadap hasil yang telah dicapai di Sidang Kemuncak Biennial First ASEAN - Australia di Laos pada tahun lepas.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan baginda kepada Governor-General Komanwel Australia, The Honourable Sir General Peter Cosgrove dan Perdana Menteri Komanwel Australia, The Honourable Malcolm Turnbull, MP itu, baginda menyampaikan salam muhibah dan sihat sejahtera serta kegembiraan TYT-TYT sempena menyambut perayaan tersebut dan semoga rakyat Australia akan beroleh kemakmuran yang berpanjangan.

Sementara itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menghantar titah-titah perutusan

tahniah kepada Presiden Republik India, TYT Shri Pranab Mukherjee dan Perdana Menteri, TYT Shri Narendra Modi dan kerajaan serta rakyat Republik India bersempena dengan Hari Republik India.

Di dalam perutusan kepada Presiden Republik India, TYT Shri Pranab Mukherjee, Kebawah DYMM menzahirkan penghargaan di atas hubungan yang sangat bernilai dan kerjasama yang rapat di antara kedua-dua buah kerajaan dan rakyat masing-masing, dan berharap akan dapat bekerjasama dengan TYT bagi mengukuhkan lagi hubungan yang penting ini di tahun-tahun mendatang.

Sementara dalam perutusan kepada Perdana Menteri Republik India, TYT Shri Narendra Modi, Kebawah DYMM menghargai hubungan persahabatan dan

kerjasama yang telah sekian lama terjalin terus diperkukuhkan di antara kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing dan seterusnya berharap dapat mengukuhkan lagi kerjasama dua hala dan antarabangsa, terutama bila mana ASEAN menyambut 25 tahun rakan Dialog ASEAN - India dan memperingati sumbangan dan sokongan Republik India kepada perkembangan serantau.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan baginda kepada Presiden Republik India, TYT Shri Pranab Mukherjee dan Perdana Menteri Republik India, TYT Shri Narendra Modi, baginda menyampaikan salam muhibah dan sihat sejahtera serta kegembiraan kepada TYT-TYT dan semoga Republik India dan rakyatnya akan terus berkembang maju dan makmur.

HALUAN

Dari muka 2

Berbalik kepada Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kebijaksanaan dalam mengatur rangka persediaan dan persiapan adalah penting dalam memastikan segala perancangan acara-acara yang akan diungkayahkan dan dilaksanakan berjalan dengan lancar, teratur dan sempurna. InsyaAllah, Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dikendalikan dalam suasana kegembiraan bulan Syawal yang mulia di mana sambutan-sambutan hari raya setentunya masih dirayakan. Setentunya juga dengan itu akan lebih memeriahkan dan menyemarakkan lagi suasana Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada tahun ini. Peramba / kaola / saya penuh berharap dan mengalu-alukan supaya Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan, Jawatankuasa Tadbir Tertinggi di peringkat daerah dan Jawatankuasa-Jawatankuasa serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja akan terus memberikan kerjasama, khidmat bakti, komitmen serta buah fikiran dalam kita bersama-sama membuat persediaan awal bagi memastikan suasana kemeriahan dan kesempurnaan acara-acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 pada tahun ini.

Dalam hal ini, apa yang juga diharapkan supaya acara-acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-71 Tahun ini akan dapat memperlihatkan pendekatan-pendekatan yang baru dengan pembaharuan dan penambahbaikan sebagai nilai tambah dan meralihkan lagi acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan sebelumnya yang boleh menarik penyertaan

Bijaksana atur rangka persediaan dan persiapan

dan penglibatan semua lapisan masyarakat.

Semua ini adalah semata-mata bagi mencerminkan semangat perpaduan, persefahaman, keharmonian, permuafakatan, kerjasama dan sokongan serta membuktikan dorongan yang erat lagi padu serta taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Perkara ini setentunya akan dapat difikirkan bersama-sama bagi menyambut Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-71 Tahun ini supaya akan melakar suasana yang lebih meriah dan menarik dengan kelainan dan keunikannya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, sebarang kelainan dan keunikan itu hendaklah tidak mengabaikan nilai nilai keBruneian dan agama. Peramba / kaola / saya seterusnya berharap supaya Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan dan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi bagi acara-acara utama akan dapat memulakan permesyuaratan masing-masing khususnya bagi pelantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa dan seterusnya akan dapat membuat perancangan dan persediaan yang seawal-awalnya. Saranan ini juga adalah bagi Pegawai-Pegawai Daerah selaku Pengerusi kepada Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Peringkat Daerah bagi bersama-sama memikirkan dan mengenal pasti acara-acara perayaan yang bersesuaian dan juga konsep dan format serta atur cara keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Junjung Ziarah dan Ramah Mesra bersama Rakyat dan Penduduk di daerah-daerah yang berkenaan.

Alhamdulillah, pada Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-70 Tahun

pada tahun lepas telah dapat diungkayahkan dengan jayanya berkat sokongan, kerjasama dan komitmen semua ahli-ahli jawatankuasa sukacita peramba / kaola / saya menyebarkan dan mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas kerjasama, sokongan dan dokongan yang diberikan, secara langsung atau tidak langsung atas penglibatan semua dalam perkara ini.

Peramba / kaola / saya mengambil maklum bahawa pihak urus setia telahpun menyediakan kertas kerja perbincangan bagi cadangan tarikh-tarikh Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada tahun ini dengan juga mengambil kira *benchmark* bermula acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada tahun-tahun sebelum ini. Begitulah juga cadangan bagi ketetapan tarikh-tarikh bagi pelaksanaan acara-acara utama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan pada tahun ini.

Dalam pada itu, seperti yang dimaklumi, Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-70 Tahun bagi Tahun 2016 telah pun mengadakan *post-mortem* bagi meneliti semula dan mengenal pasti akan sebarang perkara-perkara dan isu-isu serta sebarang permasalahan ataupun kekurangan dalam pengendalian setiap acara-acara yang telah diungkayahkan termasuklah dalam perkara-perkara berkaitan persediaan-persediaan awal sebelum acara-acara kemuncak perayaan terutamanya yang melibatkan penyertaan pegawai-pegawai kerajaan, penuntut-penuntut sekolah, pihak swasta dan orang-orang persendirian dan untuk diberikan perhatian sewajarnya, sentiasa dipantau serta diselaraskan menurut keperluan dan kesesuaiannya yang mana adalah amat-amat diambil perhatian oleh Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan ini serta dapat dijadikan sebagai sukut-sukat atau pengajaran dalam bersama-sama berusaha dengan lebih tekun dan gigih lagi untuk memperbaiki mutu dan kesempurnaan acara-

acara perayaan pada tahun 2017 ini.

Adalah menjadi harapan peramba / kaola / saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 Tahun pada tahun ini supaya kerjasama yang erat lagi padu daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan, Jawatankuasa-Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-Jawatankuasa serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang berkenaan akan terus menerus memberikan sokongan, kerjasama, khidmat bakti dan komitmen bersama-sama membuat persediaan awal bagi mempertingkatkan suasana kemeriahan dan kesempurnaan acara-acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 pada tahun ini.

Akhirnya, peramba / kaola / saya sekali lagi sukacitanya menyebarkan dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan di atas apa jua sumbangan, khidmat bakti, buah fikiran dan komitmen yang telah ditunjukkan ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan, Jawatankuasa-Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-Jawatankuasa serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja dalam mengungkayahkan dan memeriahkan serta menyempurnakan majlis-majlis dan acara-acara semasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-70 Tahun pada tahun 2016. Peramba / kaola / saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan rahmat dan ganjaran pahala yang sebaik-baiknya.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Acara-acara Sambutan Jubli Emas perlu dipantau secara teliti serta bersistemik

Oleh: Aimi Sani

Foto: Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said



Dari muka 1

Duli Yang Teramat Mulia melahirkan kepercayaan bahawa dengan kesepakatan dan komitmen tinggi semua pihak, acara-acara Sambutan Jubli Emas ini akan menjadi wadah pada memantapkan lagi keharmonian bernegara melalui jalinan akrab di antara raja dan rakyat jelata, menerapkan semangat patriotik, kasih serta setia kepada raja, cintakan tanah air, bersatu padu dalam memelihara kesejahteraan dan kemakmuran negara serta untuk sama-sama memajukan negara.

Pada mengimbas kembali titah paduka ayahanda sempena menyambut Awal Tahun Masihi 2017 sabda DYT, dalam konteks Sambutan Jubli Emas Paduka Ayahanda Menaiki Takhta, bahawa sambutan ini adalah sangat besar ertinya, sebagai cara untuk menghargai sejarah.

Menurut sabda DYT, sejarah adalah 'lidah' zaman yang akan berkata-kata kepada generasi demi generasi tanpa pernah mengenal penat atau bosan.

"Paduka ayahanda juga melahirkan harapan bagi kita semua akan dapat mengamalkan sifat besederhana di dalam perayaan yang dirancang. Sifat besederhana berkenaan, termasuk memberi keutamaan apa yang utama.

Namun, bukanlah menjadi tujuan kita untuk menyempitkan wawasan bagi masa depan yang panjang. Apa yang penting ialah perayaan atau sambutan berkenaan sifatnya sebagai 'petanda' bagi sejarah.

Demikianlah juga harapan saya bagi Sambutan Jubli Emas nanti, agar ianya bukan sahaja merupakan satu ristaan sejarah kegemilangan pemerintahan paduka ayahanda, malah turut menanai kekukuhan institusi raja negara ini dengan terus mengekalkan identiti, budaya dan adat resam orang Brunei," DYT menambahkan sabda.

Terdahulu dalam sabdanya, DYT menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan paduka ayahanda memperkenankan bagi penubuhan dan pelantikan ahli-ahli kepada Jawatankuasa Penasihat dan juga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersabda, dalam merangka perancangan dan konsep-konsep acara sambutan, ianya hendaklah bersifat bersederhana dan sentiasa menitik beratkan aspek-aspek yang menjurus kepada mengangkat Adat Istiadat Diraja Brunei.

Lebih penting lagi sabda Duli Yang Teramat Mulia, ianya adalah sebagai simbol yang jelas kepada pencapaian-pencapaian bermakna kepada negara serta rakyat dan penduduknya di sepanjang pemerintahan Paduka Ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

DYT bersabda demikian pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta bertempat di Bilik Mesyuarat West Wing, JPM, di sini.

Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, sabda DYT, berkat kewibawaan dan pimpinan bijaksana Paduka Ayahanda dalam menerajui pentadbiran negara, alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah memenuhi kehendak pembangunan dan kemajuan serta dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan politik.

"Kepimpinan paduka ayahanda juga telah berjaya menjadikan negara ini mampu menajana perkembangan ekonomi yang positif dalam menarik pelaburan asing. Selain ini, negara kini juga telah melahirkan lebih ramai cendekiawan-cendekiawan dan pakar-pakar orang Brunei sendiri yang setentunya meningkatkan keupayaan dan daya saing kita di peringkat antarabangsa.

Namun, bidang keagamaan tetap dijadikan teras kepada perancangan dan hala tuju pembangunan dan perkembangan negara selaras dengan hasrat menjadikan negara ini sebagai sebuah negara zikir. Inilah antara perkara-perkara yang perlu ada dalam pemikiran kita dalam melakar acara-acara sambutan dan sebagai sandaran kepada menilai impak atau *outcome* yang hendak diperolehi dari acara tersebut.

Kita hanya tinggal beberapa bulan sahaja lagi untuk merancang dan melaksanakan Sambutan Jubli Emas ini. Tempoh masa ini adalah lebih singkat lagi jika mengambilkira acara-acara Kebesaran Negara yang sedia ada untuk dirancang dan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta (kiri dan atas).

dilaksanakan di dalam tempoh tersebut seperti Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, Sambutan Hari Keputeraan Paduka Ayahanda dan acara-acara kebesaran lainnya," sabda DYT.

DYT selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta seterusnya bersabda agar setiap Jawatankuasa Sektorial Sambutan Jubli Emas untuk menghadapkan segala perencanan rancangan masing-masing kepada Urusetia Sambutan Jubli Emas dalam tempoh dua minggu dari tarikh mesyuarat hari ini.

Dalam melaksanakan acara-acara sambutan ini sabda DYT, ianya perlu dirancang sehalus-halusnya dan dipantau secara teliti serta bersistemik.

Menurut sabda DYT, ke arah ini kaedah *delivery approach* akan digunakan oleh setiap Jawatankuasa Sambutan Jubli Emas dalam membuat pemantauan terhadap pelaksanaan acara-acara sambutan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

"Pada hemat saya, pelaksanaan persediaan bagi acara-acara sambutan tersebut sebaik-baiknya siap diselenggarakan pada bulan Ogos tahun ini. Ini adalah bagi bertujuan bagi memberikan ruang untuk pelaksanaan dan penyelarasan perkara-perkara yang berkaitan misalnya raptai acara-acara sambutan dan seterusnya melaksanakan tindakan-tindakan

susulan yang perlu.

Oleh itu, Jawatankuasa Tertinggi khususnya Jawatankuasa Sektorial hendaklah bijak dan teliti dengan sentiasa mengamalkan aspek berhemah dalam setiap perancangan masing-masing. Apa yang mustahak disini ialah pelaksanaan setiap acara haruslah menepati dan tidak tersasar dari perancangan serta cadangan perbelanjaan yang telah dipersetujui sejak awal lagi," tambah sabda DYT.

Sabda DYT lagi, kita juga perlu melakar strategi komunikasi yang berupaya menarik penglibatan segenap lapisan rakyat dan penduduk dalam acara-acara sambutan khususnya golongan belia, penuntut-penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Tidak terkecuali sabda DYT, ialah sektor swasta khususnya pihak media, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, semua Ketua Jabatan, Penghulu dan Ketua Kampung dapat memberikan galakan dan menjayakan Sambutan Jubli Emas Paduka Ayahanda nanti.

Dalam mengakhiri sabda, DYT berharap supaya, Ahli-Ahli Jawatankuasa di permesyuaratan pada pagi ini akan dapat bersama-sama memberikan pandangan dan pendapat yang *constructive*, semata-mata bagi memisahkan, memeriahkan dan memastikan kualiti serta kesempurnaan acara-acara Sambutan Jubli Emas Paduka Ayahanda Menaiki Takhta yang akan menjelang nanti.



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan menyertai sesi bergambar ramai bersama ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Berangkat sama ke mesyuarat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkhiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas, di Bangunan JPM, Jalan Perdana Menteri dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkhiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, selaku Ahli Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas.

Turut menjunjung keberangkatan DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ialah Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji



Oleh: Aimi Sani
Foto: Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said

PENGERUSI-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas semasa menghadiri Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin



AHLI-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta yang hadir pada Mesyuarat Pertama tersebut (atas, bawah tengah dan bawah kiri).

Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin

Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha.

Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota seterusnya dijunjung untuk menyertai sesi bergambar ramai bersama ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas.

Mesyuarat dimulakan dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Kemudian diteruskan dengan sembah alu-aluan daripada Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran

DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota seterusnya berkenan mengurniakan sabda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta menjadi Sultan Brunei Ke-29 pada 5 Oktober 1967 semasa baginda berusia 21 tahun.

Sambutan Jubli Perak Kebawah DYMM Menaiki Takhta telah diadakan pada 5 Oktober 1992.



Brunei - India perluas hubungan ekonomi dan perdagangan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Khamis, 26 Januari. - Hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik India terus berkembang dengan maju dalam pelbagai bidang yang bukan hanya meliputi kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara tetapi juga di antara India dan ASEAN.

Perkara itu dinyatakan oleh Pesuruhjaya Tinggi India ke NBD, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick ketika berucap pada Majlis Resepsi bersempena Ulang

Tahun Hari Republik India Ke-68 yang berlangsung di Dewan Indera Samudera, The Empire Hotel and Country Club, di sini.

"Pada bulan Julai dan Ogos 2016, sebanyak enam syarikat farmaseutikal India datang ke NBD untuk meneroka kemungkinan membekalkan produk-produk farmaseutikal ke NBD selain meluaskan hubungan ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua buah negara.

"Selain itu, India juga terus menjadi



salah satu pengimport utama minyak mentah dari NBD dan pada tahun ini jumlah import minyak mentah adalah lebih kurang USD500 juta," jelasnya.

Hadir bagi mewakili kerajaan Negara Brunei Darussalam ke majlis berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Majlis turut dihadiri oleh para perwakilan dari negara-negara sahabat, pegawai-pegawai kanan

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (dua, kiri) bersama Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick (dua, kanan) memotong kek sempena Ulang Tahun Hari Republik India Ke-68.

kerajaan, para pegawai Suruhanjaya Tinggi India ke Brunei serta jemputan lainnya.

Kemuncak majlis ialah acara memotong kek sempena Ulang Tahun Hari Republik India yang disempurnakan bersama oleh Yang

Berhormat Menteri Pendidikan dan Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam serta diteruskan dengan penyampaian cenderahati oleh Puan Yang Terutama kepada Menteri Pendidikan.



MAJLIS Resepsi Sempena Ulang Tahun Hari Republik India Ke-68 diserikan dengan persembahan tarian tradisional 'Kathak'.

Karnival pelbagaikan aktiviti Islamik



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad (kanan) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Karnival Belia Cinta Rasul pada majlis pelancaran tersebut.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin, Ammar Asyraf Haji Suhaimi
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Lebih daripada 40 penjual dan usahawan menyertai Karnival Belia Cinta Rasul yang dikendalikan oleh Battle Pro Marketing and Management Services (BattleProMMS), berlangsung hari ini hingga 29 Januari 2017 di Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pelbagai aktiviti telah disusun di sepanjang karnival tersebut seperti

Malam Cinta Rasul, Bicara Keusahawanan, Malam Kesenian Islam, Irama Dakwah, Derma Darah, Peraduan Tulisan Jawi, Peraduan Teka Nama Surah, Peraduan Mewarna, Hijahiyah Bina Perkataan, Bicara Keusahawanan, Persembahan Rumah Pusaka dan Jualan Ekspo Fesyen Islam.

Karnival berkenaan juga akan diserikan lagi dengan Ceramah

Khas Maulidur Rasul yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit, selain Pertandingan Menghafaz Surah Al-Mulk, Pertandingan Dikir Diba'i'e, Peraduan Membaca Tiga Selawat Utama, Menunggang Kuda serta gerai-gerai jualan makanan dan bazar.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan karnival tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd. Noor Jusmin Haji Abdul Samad.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengasas BattlePro MMS, Awang Haji Syed Mohammad Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah.

Dalam ucapan alu-aluannya antara lain menerangkan karnival bertujuan untuk mempelbagaikan aktiviti Islamik yang menjurus ke arah mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

"Ia juga sebagai platform untuk orang ramai mendekati dan belajar ilmu keagamaan dengan lebih menarik melalui aktiviti yang telah tersedia serta memberi ruang dan peluang kepada usahawan untuk berniaga pada karnival yang InsyaaAllah akan menarik kunjungan ramai orang," jelasnya.

Tetamu kehormat kemudian dialu-alukan bagi mengunjungi

Spesies burung baharu berjaya dikesan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU, Jumaat, 27 Januari - Spesies burung baharu yang sukar difahami telah dapat dikesan di Negara Brunei Darussalam berhampiran Pusat Kajian Luar Kuala Belalong dan Ulu-Ulu Resort di Ulu Temburong.

Burung itu adalah Spectacled Flowerpecker dengan bulatan putih di sekitar mata hitamnya, walaupun Spectacled Flowerpecker telah dikesan dan digambar beberapa kali oleh Ornithologists di tempat lain di Borneo, terutamanya di Lembah Danum di Sabah, namun belum pernah dikumpul untuk kajian saintifik.

Burung itu mungkin endemik ke Borneo dan pakar kanopi itu jarang dilihat dan susah dikesan.

Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER) di Universiti Brunei Darussalam (UBD) bercadang untuk menangkap dan mengumpul kajian saintifik beberapa individu daripada spesies baharu dan memberikan nama saintifik.

Mengetuai saintis bagi kajian cadangan ialah calon PhD Hanyrol Ahmad Sah dari UBD, yang mana beliau akan dibantu oleh Mahdi Hussainmiya, yang juga telah mendapati burung tersebut terdapat di Daerah Belait, dan diselia oleh Profesor Ulmar Grafe.

Sekiranya ini berjaya dikumpul, Spectacled Flowerpecker akan menjadi burung endemik baharu

yang pertama secara rasmi dikatalog untuk Borneo dalam lebih 100 tahun.

Gambaran dari Ulu Temburong akan menarik banyak ahli ilmu burung dari seluruh dunia untuk melawat Negara Brunei Darussalam untuk melihat burung endemik Borneo tersebut yang jarang ditemui, ia mampu menggalakkan negara ini menjadi sebagai destinasi pelancongan bernilai tinggi.

Untuk maklumat lanjut mengenai projek ini, sila hubungi newflowerpecker@gmail.com.



SPECTACLED Flowerpecker telah dikesan dan digambar beberapa kali oleh Ornithologists di tempat lain di Borneo, terutamanya di Lembah Danum di Sabah, belum pernah dikumpul untuk kajian saintifik.

vendor-vendor yang terlibat dalam meraikan karnival.

Karnival tersebut lebih fokus pada barang jualan yang berunsurkan pakaian-pakaian khas untuk Muslimin serta Muslimah yang merupakan peluang bagi usahawan-usahawan tempatan dan luar negara untuk memasarkan produk-produk juga

jenama mereka di negara ini.

BattleProMMS telah mengendalikan pelbagai acara yang berlainan tema juga aktiviti-aktiviti bagi menolong usahawan-usahawan tempatan sejak tahun 2014 untuk memajukan peniaga-peniaga dan memajukan ekonomi negara.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Perhimpunan, Perarakan dan Perbarisan sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1438 Hijrah.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin, Ammar Asyraf Haji Suhaimi
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Januari. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) muncul juara bagi Kategori Sekolah / Menengah / Arab / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi / Swasta pada Pertandingan Perhimpunan, Perarakan dan Perbarisan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam Peringkat Negara tahun ini dengan membawa pulang wang tunai sebanyak BND6,500.

Manakala Kategori Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan bagi Pertandingan Perhimpunan, Perarakan dan Perbarisan Maulud Nabi kali ini dimenangi oleh Kementerian Pembangunan dengan menerima wang tunai sebanyak BND4,000.

Pemenang pertandingan perarakan Maulud Nabi terima hadiah

Johan bagi Kategori Persatuan-Persatuan dan Sektor Swasta diraih oleh Telekom Brunei (TelBru) dengan menerima wang tunai sebanyak BND2,500.

Kategori Kampung dan Takmir Masjid pula dimenangi oleh AJK Takmir Masjid dan Kumpulan Belia Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Muara dengan menerima wang tunai sebanyak BND4,000.

Sementara itu, pemenang Hadiah Khas bagi setiap kategori dimenangi oleh Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Persatuan Masyarakat Indonesia (PERMAI) dan Majlis Perundingan Kampung Rancangan Perumahan Negara Meragang, yang mana masing-masing menerima hadiah berupa wang tunai.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Perhimpunan, Perarakan dan Perbarisan sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1438 Hijrah yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU, di sini.

Ia disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin



MENTERI Hal Ehwal Ugama menyampaikan hadiah kepada wakil Kementerian Pembangunan yang merupakan juara bagi Kategori Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.

Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman selaku tetamu kehormat.

Terdahulu acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Awang Haji Idris bin Haji Aji, selaku Pengerusi Bersama majlis berkenaan, yang antara lain menjelaskan, seramai 12,207 daripada 129 pasukan telah menyertai Perhimpunan Maulud Nabi bagi Tahun 1438 Hijrah.

Turut hadir pada majlis tersebut,

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof serta Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEU.

Perhimpunan, Perarakan dan Perbarisan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1438H / 2016M yang lalu bertemakan 'Berwawasan yang Berkat dengan Bercontohnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Rancang masa depan pengajaran bahasa Arab

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Nurafilabibah Mohd. Shafiee
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Januari. - Persidangan Antarabangsa Bahasa Arab di Asia Tenggara 2017 bertujuan bagi merancang dan merangka masa depan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Asia Tenggara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Pusat Bahasa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Jaili pada Sidang Media Persidangan Antarabangsa Bahasa Arab di Asia Tenggara 2017 yang berlangsung di Dewan Taqwa, KUPU SB, di sini.

Persidangan itu juga jelasnya, bertujuan untuk mengenal pasti sudut-sudut dan potensi yang perlu kepada pengembangan.

Beliau juga menjelaskan, persidangan tersebut akan diadakan pada hari Rabu 1 Februari 2017, di mana hari pertama akan berlangsung di KUPU SB sementara persidangan hari kedua iaitu 2 Februari 2017 akan diadakan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Tambahnya, tetamu kehormat pada pembukaan persidangan berkenaan ialah, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, manakala pada penutup persidangan tersebut pula ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Persidangan berkenaan tambahannya, dianjurkan bersama oleh Pusat Bahasa, KUPU SB dan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA.

Menurutnya, sebanyak 40 siri perbincangan akademik dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab akan diadakan yang merangkumi ucpatama, ceramah perdana, sesi perbincangan meja bulat dan 37



SIDANG Media Persidangan Antarabangsa Bahasa Arab di Asia Tenggara 2017 yang diadakan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) disampaikan oleh Pengarah Pusat Bahasa, KUPU SB, Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Jaili (kiri).

pembentangan kertas kerja yang melibatkan 17 pembentang dari luar negara, iaitu dari Arab Saudi, Oman, Sudan, Malaysia, Republik Indonesia dan Negara Brunei Darussalam.

Beliau seterusnya menjelaskan, seramai 250 orang yang terdiri dari para ahli akademik, para pegawai dan kakitangan kerajaan, pelajar dan orang persendirian dari dalam dan luar negara dijangka menghadiri persidangan itu.

Tema persidangan tersebut, jelas beliau, ialah 'Al-Arabiyyah : Bahasa dan Tamadun Umat Islam', manakala sub temanya ialah 'Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Asia Tenggara' dan 'Usaha dan perjuangan umat Islam dalam pengajaran bahasa Arab di Asia Tenggara'.

Beliau berkata, persidangan itu akan dapat mewujudkan kolaborasi, hubungan strategik dan jaringan kerjasama profesional di antara para pakar ilmuwan bahasa Arab khususnya dari kalangan negara Asia Tenggara agar pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan idea positif dapat disebarluaskan serta dimanfaatkan bersama.

"Semoga ia akan menjadi wadah perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman demi meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa umat Islam sejagat," ujarnya.

Juga hadir, Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Dr. Dayang Siti Sara binti Haji Ahmad.

Keputusan Peperiksaan BCGCE 'AS', 'A' Oktober / November 2016

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Januari. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. (BCGCE) 'AS' dan 'A' Level Oktober / November 2016.

Dalam Peperiksaan BCGCE 'A' Level, daripada 2,036 calon yang menduduki peperiksaan tersebut seramai 1,857 atau 91.21 peratus mendapat sekurang-kurangnya 1 'A' Level. Pencapaian ini meningkat 3.19 peratus daripada keputusan peperiksaan tahun 2015.

Pada keseluruhannya, peratus calon yang memperoleh sekurang-kurangnya 2 'A' Level adalah 79.76 peratus dengan peningkatan sebanyak 4.30 peratus yang mana pencapaian calon sekolah adalah 87.66 peratus dengan peningkatan sebanyak 3.32 peratus.

Seramai 1,298 calon atau 63.75 peratus mendapat sekurang-kurangnya 3 'A' Level. Pencapaian ini meningkat 7.62 peratus daripada tahun 2015.

Pada keseluruhannya, 150 calon atau 7.37 peratus berjaya mencapai Gred 'A' dalam 2 hingga 5 mata pelajaran. Pencapaian ini meningkat sebanyak 0.39 peratus berbanding tahun 2015.

Pada keseluruhannya, 21 mata pelajaran menunjukkan peningkatan di antara 1.39 peratus dan 24.09 peratus daripada pencapaian calon pada tahun 2015. Mata-mata pelajaran tersebut ialah Hafaz Al-Quran, Syariah, Usuluddin, English Language, Bahasa Melayu, Food Studies, Travel and Tourism, Thinking Skills, Literature in English, Geography, History, Psychology, Sociology, Biology, Chemistry, Physics, Design and Technology, Accounting, Economics, Mathematics and Computer Science.

Bagi Peperiksaan BCGCE 'AS' Level pula, daripada 1,404 calon yang menduduki Peperiksaan AS Level, 1,312 calon atau 93.45 peratus telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya 1 mata pelajaran. Seramai 951 calon atau 67.74 peratus telah memperoleh sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran berstandard 'AS' Level.

Pada keseluruhannya, 87 calon atau 6.20 peratus berjaya mencapai Gred 'A' dalam sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran. Pencapaian ini meningkat sebanyak 0.61 peratus berbanding tahun 2015.

Sehubungan ini, dimaklumkan kepada penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan tersebut untuk mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing, manakala calon-calon persendirian dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Calon-calon yang berhasrat untuk menduduki peperiksaan tersebut bagi memperbaiki pencapaian, pada bulan Mei / Jun tahun ini, bolehlah membuat pendaftaran. Borang dan maklumat pendaftaran boleh diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan dan tarikh tutup bagi pendaftaran peperiksaan bulan Mei / Jun, tahun 2017 adalah pada hari Khamis, 16 Februari 2017.

Tarian Klasik Kathak semarak Hari Republik India



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bersama datin hadir pada majlis tersebut.

TUNGGU LINK, Jumaat, 27 Januari. - Sempena Ulang Tahun Hari Republik India ke-68, Suruhanjaya Tinggi India dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Malam Tarian Klasik India 'Kathak Style' yang berlangsung di Arts Centre, Sekolah Antarabangsa Jerudong, di sini.

Hadir menyaksikan malam tarian klasik tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick yang antara lain dalam ucapannya menjelaskan bahawa 'Kathak' merupakan tarian klasik yang berasal dari Selatan India.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Kathak berasal dari perkataan 'Kathakar' atau pencerita yang diceritakan melalui muzik dan tarian gerakan isyarat cerita mythology India.

Rombongan kebudayaan 'Kathak' diketuai oleh Pandit Jaikishan Maharaj dimana sebanyak lima persembahan iaitu Kramashah, Taraana, darbaar-e-Saalami, Baajat Tal dan

Swaraangtaal dihiburkan dalam tarian 'Kathak' berkenaan.

Hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik India terus berkembang dengan maju dalam pelbagai bidang yang bukan hanya meliputi kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara tetapi juga di antara India dan ASEAN.



PERSEMBAHAN tarian tradisional 'Kathak'.

Komited teruskan konteks peraturan perdagangan bebas

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Negara Brunei Darussalam terus komited dalam meneruskan konteks peraturan perdagangan bebas dan terbuka dari pelbagai hala yang bertujuan untuk memberi manfaat kepada semua orang dan akan terus menjadi sebahagian daripada inisiatif berterusan serantau Komuniti Ekonomi ASEAN, Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau dan Kawasan Perdagangan Bebas bagi Asia Pasifik juga dua hala.

Menurut Siaran Akhbar, Brunei Darussalam mengangap untuk mengejar inisiatif itu, termasuk

objektif yang telah dikongsi oleh rakan-rakan TPP sepanjang tahun dalam rundingan perjanjian, sebagai tambahan melengkapkan usaha berterusan ke arah pengukuhan persekitaran pengawalseliaan dan penambahbaikan rejim perniagaan selaras dengan standard antarabangsa serta amalan terbaik dan berharap untuk terlibat dengan semua rakan TPP mengenai langkah seterusnya, Amerika Syarikat kekal sebagai rakan penting kepada Brunei Darussalam dan akan terus membina serta mengukuhkan penglibatan untuk manfaat bersama kedua-dua buah negara.

Galakkan dan kembangkan rangkaian kerjasama pihak berkuasa

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Januari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di dalam bidang pertukaran maklumat dan kerjasama dengan Capital Market Authority Sultanate of Oman (CMAO) pada hari Isnin, 25 Rabiulakhir 1438 bersamaan dengan 23 Januari 2017 di Muscat, Oman.

Menandatangani bagi pihak AMBD ialah Pengarah Urusan AMBD, Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman, manakala CMAO telah diwakili oleh Presiden Eksekutif CMAO, Tuan Yang

Terutama Abdullah Salim Al-Salmi.

Majlis penandatanganan tersebut berlangsung di Muscat, Oman.

MoU tersebut bertujuan untuk menggalakkan dan mengembangkan rangkaian kerjasama di antara kedua-dua pihak berkuasa, termasuk peningkatan kefahaman dan bantuan bersama, pertukaran maklumat berhubung isu-isu regulatori dan teknikal, peningkatan pembangunan kapasiti dan perlindungan pelabur-pelabur, serta menggalakkan integriti pasaran yang dikawal selia di kedua-dua buah negara.



MEMANDATANGANI bagi pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ialah Pengarah Urusan AMBD, Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman (kiri), manakala Capital Market Authority Sultanate of Oman (CMAO) telah diwakili oleh Presiden Eksekutif CMAO, Tuan Yang Terutama Abdullah Salim Al-Salmi (kanan) pada majlis penandatanganan yang diadakan di Muscat, Oman.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku wakil peribadi dan selaku Pengerusi Lembaga Pengelola Politeknik Brunei semasa membacakan teks ucapan Menteri Pendidikan pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3, Tahun 2017 di Dewan Canselor, UBD.

TUNGKU LINK, Khamis, 26 Januari.

- Selaras dengan Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan 1.5 (KPI) yang dihasrat untuk mencapai sasaran yang sentiasa meningkat bagi kemasukan ke dalam pendidikan pasca-menengah termasuk ke Politeknik Brunei (PB).

Usaha PB berjaya melahirkan seramai 907 graduan termasuk 375 yang dianugerahkan sijil pada hari ini merupakan satu tanda positif yang menunjukkan bahawa PB turut memainkan peranan yang kritikal terhadap usaha Kementerian Pendidikan mencapai Wawasan Negara 2035, iaitu mempunyai rakyat yang berkaliber, berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Berucap demikian pada Majlis Konvokesyen PB Ke-3, Tahun 2017 yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku wakil peribadi dan selaku Pengerusi Lembaga Pengelola PB semasa membacakan teks ucapan

Graduan perlu berdikari dan proaktif

Oleh : Khartini Hamir, Nurafilabibah Mohd. Shafiee
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Menurutnya, para graduan harus bersyukur dengan kejayaan yang diraihan itu dengan niat yang murni dan ikhlas dalam sama-sama membangun serta memajukan Negara Brunei Darussalam, di samping para graduan perlu bersikap berfikir terbuka juga berpandangan jauh ke hadapan serta terus gigih dan komited dalam menghadapi keadaan ekonomi serta *political landscape* pada masa ini.

Selain dari memiliki sikap-sikap yang dinyatakan, jelas Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom lagi, para graduan perlu menanamkan semangat inovatif dan mencari ruang untuk meneroka peluang-peluang yang di luar sana umpamanya menerokai dunia keusahawanan.

"Pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai platform bagi memudahkan ke arah ini, dan para graduan perlu bersikap berdikari dan proaktif dalam mengambil kesempatan yang ada, selain turut mempergunakan ilmu serta kemahiran yang telah ditimba di PB sebagai asas kekuatan dalam pencarian dan penerokaan abiskita," ujarnya.

Beliau turut mengambil maklum bahawa modul Entrepreneurship diperkenalkan seawal lagi, iaitu pada tahun pertama pengajian bagi para pelajar di PB Diploma Level 5 dan ini jelasnya merupakan satu usaha bijak PB dalam memberikan bimbingan serta dorongan kepada para pelajar untuk lebih bersedia dalam menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian.

Timbalan Menteri Pendidikan dalam ucapan teks Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga turut menyarankan agar modul Entrepreneurship yang ditawarkan akan dapat menerapkan

satu platform penghubung di antara PB dengan platform perkembangan keusahawanan yang ada di luar kampus umpamanya bersama Darussalam Enterprise (DARE), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) serta pihak perbankan dan sebagainya.

Melaluinya para pelajar akan lebih yakin dalam memulakan perniagaan dengan kefahaman yang lebih mendalam mengenai dunia keusahawanan di negara ini atau peluang-peluang di luar negara.

Dalam pada itu, beliau berharap agar modul atau platform seperti ini dapat dilaratkan kepada alumni PB agar mereka juga mempunyai peluang yang sama atau dapat meningkatkan diri mereka dengan lebih yakin.

Dengan usaha-usaha seperti ini jelasnya lagi, kita akan dapat menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi negara kita untuk melahirkan lebih ramai ahli perniagaan dalam kalangan anak-anak tempatan sebagaimana titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuarat Ke-10 Majlis Mesyuarat Negara pada Tahun 2014.

Maka dengan hubungan ini, beliau menasihati agar para graduan akan dapat mengambil peluang, sama ada di PB atau mana-mana agensi, untuk membekalkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan tambahan bagi mencuba bidang perusahaan yang diminati masing-masing.

Menyentuh mengenai Program *Advisory Committee*, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom menjelaskan, ia merupakan satu langkah yang baik dan beliau menyarankan bagi usaha mempelbagaikan ahli-ahli jawatankuasa berkenaan dan

seterusnya untuk memberikan petunjuk serta nasihat bidang-bidang terkini yang perlu ditawarkan agar PB dapat melahirkan lebih ramai graduan yang dikehendaki dalam era Revolusi Industri keempat ini.

"Ini bukan sahaja terhad kepada bidang perdagangan, teknologi maklumat dan komunikasi atau sains kesihatan yang diperlukan sekarang, tetapi memastikan para graduan di masa datang akan keluar dari PB dengan kekuatan ilmu dan kemahiran yang relevan dengan kehendak dunia," jelasnya lagi.

Pihak Kementerian Pendidikan juga terangnya, turut menyokong sepenuhnya Program *Advisory Committee* ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen Ke-28 UBD yang menitahkan bahawa perlunya institusi pengajian tinggi di negara ini untuk memastikan program-program yang ditawarkan akan sentiasa relevan dan berkualiti, bagi pengeluaran para graduan yang *marketable* serta *future ready*.

Pada waktu yang sama, perancangan penawaran program-program di bawah PB juga perlu selaras dengan program-program yang ditawarkan di institusi-institusi pengajian lain seperti IBTE dan universiti-universiti tempatan.

Ini adalah dalam memastikan kesinambungan pengkhususan pengajian bidang-bidang berkenaan dan memberikan peluang-peluang pelanjutan pengajian, seterusnya mencapai hasrat inisiatif pembelajaran sepanjang hayat ataupun Lifelong Learning.

Menerusi ucapan teks Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu juga, beliau mengambil maklum bahawa PB telah berusaha untuk

menjalinkan kerjasama dengan beberapa pihak antarabangsa dalam memperluaskan dan memantapkan lagi perkhidmatan pengajaran serta pembelajaran di PB dalam pelbagai aspek.

Ia termasuk juga dalam peluang penempatan latihan pelajar di luar negeri khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Beliau juga ingin melihat usaha ini diimplementasikan dengan sebaiknya dan akan memberi hasil bermanfaat kepada para pelajar dan pemindahan teknologi.

Beliau juga turut mengambil maklum mengenai penglibatan serta usaha PB dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan belia yang memang menjadi aset utama negara yang berperanan sebagai tunggak kekuatan negara selaku pewaris kepimpinan pada masa akan datang.

Tambahnya lagi, beliau berharap pihak PB akan terus berusaha untuk mencari peluang-peluang serta menjalinkan bidang kerjasama dengan pihak-pihak bersesuaian sama ada ia dari institusi kerajaan mahupun swasta yang bertujuan untuk membangunkan modal insan negara yang berdaya tahan, berkemahiran dan berkualiti tinggi juga holistik demi sama-sama mencapai Wawasan Negara 2035.

Pada aspek lain, beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada PB yang telah berjaya menerbitkan majalah mereka yang pertama bertajuk Vision baru-baru ini dan berharap melaluinya, PB akan terus aktif dalam membarikan inisiatif-inisiatif strategik juga aktiviti-aktiviti untuk dikongsi sama kepada semua dan menjadi penyemai semangat perpaduan serta penyuntik inspirasi dalam membangunkan dan memajukan PB.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku wakil peribadi Menteri Pendidikan menyampaikan sijil kepada salah seorang graduan pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3, Tahun 2017 bagi pengambilan keempat pelajar Politeknik Brunei di Dewan Canselor, UBD.

TUNGKU LINK, Khamis, 26 Januari.

- Seramai 375 graduan dari sesi pengambilan keempat tahun pengajian 2014 telah berjaya menamatkan pengajian mereka dan menerima Sijil Diploma Lanjutan masing-masing pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3, Tahun 2017 yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan perarakan graduan masuk ke dalam

dewan yang kemudian diikuti dengan perarakan besar masuk ke dewan yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Lembaga Pengelola, Ahli-ahli Senat, pegawai-pegawai utama dan pensyarah-pensyarah dari Politeknik Brunei (PB).

Setelah itu diikuti dengan kehadiran wakil peribadi tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, juga

375 graduan Politeknik Brunei terima sijil

selaku Pengerusi Lembaga Pengelola PB yang kemudiannya turut membacakan teks ucapan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada majlis tersebut.

Acara seterusnya diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh pelajar Tahun 2, Diploma in Business Finance dari sesi

pengambilan kelima, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri, yang juga merupakan pemenang ketiga Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Asia Tenggara Tahun 2015, sementara inti sari ayat dibacakan oleh pelajar Tahun Pertama Diploma in Business Studies dari sesi pengambilan keenam, Awangku Abdul Hakim bin Pengiran Hamdillah.

Menerusi ucapan alu-aluan daripada

Pengarah PB, Denis Ho Mun Tai juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Tertinggi Majlis Konvokesyen menjelaskan, PB sekali lagi berjaya menghasilkan graduan-graduan yang boleh menyumbang pada pembangunan dan perkembangan sosioekonomi negara ke arah mencapai matlamat Wawasan Negara 2035.

Ke muka 12



ANTARA ibu graduan yang menghadiri majlis konvokesyen berkenaan.

Shotofsugar usaha anak tempatan kitani



DAYANG Amirah Jehan Ahmad, 21, bersama rakan-rakannya memperlihatkan antara Shotofsugar yang mereka hasilkan.

BELIA memainkan peranan yang besar dalam ekonomi dunia dan sesebuah negara melalui peranannya yang produktif dan reproduktif. Penglibatan golongan belia dalam ekonomi terutamanya dalam bidang perniagaan baik secara sepenuh masa atau bersekala turut membantu meningkatkan keperluan ekonomi negara malahan sumbangan golongan belia dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi dan pembangunan terutamanya di negara-negara dunia yang begitu dominan. Belia merupakan bakal pemimpin pada masa akan datang dan sebagai golongan belia perkara ini perlu diambil serius dan peka terhadap pembangunan negara pada masa yang mendatang.

Salah seorang belia yang juga melibatkan diri dalam usaha kecil-kecilan iaitu Shotofsugar yang mula ditubuhkan pada awal bulan Mac tahun lalu dan mula diperkenalkan kepada orang ramai semasa mengikuti Pesta Pengguna Ke-18 pada bulan Jun 2016 yang memperkenalkan minuman Milkshake dan lebih dikenali sebagai Freakshakes, selain itu Shotofsugar juga

merupakan minuman sehat dan hanya menggunakan pemanis *natural* seperti kurma dan buah pisang.

Dayang Amirah Jehan Ahmad, 21 tahun, mahasiswi Universiti Brunei Darussalam dan berasal dari Kampung Tungku Gadong menjalankan perusahaannya minuman Shotofsugar pertama di Brunei.

Menurut Dayang Amirah, Shotofsugar mengambil inspirasi dari satu kedai di New York City dan dari situlah ia mendapat idea dan melihat jenis-jenis Freakshakes yang dihidangkan dan kemudian mencipta menu kami sendiri hasil daripada apa yang dilihat.

Sebelum ini, jelas Dayang Amirah, Shotofsugar tidak pernah melibatkan diri dalam apa jua perniagaan dan di Pesta Pengguna yang disertai baru-baru ini merupakan kali pertama beliau dan teman-temannya mencuba nasib menceburkan diri dalam bidang niaga minuman ini.

"Shotofsugar turut disokong oleh ahli keluarga dan teman karib saya Mimi, Hanis, Amalina, Bazilah dan Naasirrudden,

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Alhamdulillah dengan pertolongan daripada rakan sekerja, kami semua berjaya memperkenalkan Shotofsugar kami ini," tambahnya.

Beliau juga menjelaskan antara menu-menu yang diperkenalkan oleh Shotofsugar ialah Nutella Milkshake, Kurma Banana Healthshake, Birthday Cake Milkshake, Smores Freakshake, Salted Caramel Freakshake dan Fairy Floss Freakshake.

Ujarnya, antara alasan kenapa memilih menu tersebut adalah kerana bahan-bahannya merupakan bahan *homemade* seperti Marshmallow, Caramel Coated Penuts dan juga Sauces.

Jelasnya lagi, membuat kuih-muih dan juga memasak memang sudah sebatik dalam keluarga beliau cuma beliau tidak pernah mengikuti mana-mana kursus masakan kecuali ketika berada di Tingkatan Enam saat mengambil Kursus Food Studies.

Tentang modal dalam menjalankan perniagaan pula sememangnya ia mengeluarkan sejumlah wang yang diperlukan sementara bahan-bahannya pula diperolehi dari luar dan dalam negeri dan ada juga yang diperolehi daripada Kings Ice Cream dan juga Kingston.

"Setiap perniagaan yang dijalankan pastinya memerlukan pengenalan kepada orang ramai dan begitu juga dengan Shotofsugar yang turut memperkenalkan hasil keluaran mereka melalui media sosial seperti Instagram dan juga Facebook dan setiap apa yang diperkenalkan Shotofsugar pastinya mempunyai temanya tersendiri iaitu karnival di mana setiap hiasan ia memperlihatkan *extravagant* yang membayangkan sebuah karnival yang meriah."

"Shotofsugar, pada mulanya mendapatkan inspirasi dalam menghias minuman tersebut melalui gambar-gambar yang ada di internet yang kemudiannya kami ubah suai mengikut citarasa orang-orang kitani dan kebanyakan barang-barang yang digunakan untuk membuatnya juga adalah *homemade* seperti Marshmallow, Chocolate Fudge Sauce dan banyak lagi," jelasnya.

Saat diajukan soalan kenapa ia dinamakan Shotofsugar, beliau menjelaskan kerana ia tidak diminum setiap hari dan hanya dikehendaki apabila ia diperlukan sahaja.

"Its more like a shot that you can have once a while," jelasnya.

Tambahnya lagi, dalam menjalankan sesuatu perniagaan pasti berhadapan dengan beberapa kesulitan apatah lagi yang pertama

kali melibatkan diri dalam bidang perniagaan namun semua ini dapat diatasi dengan sempurna bahkan perkara sebegini menjadi kenangan pahit dan manis buat Shotofsugar.

"Mengimbas kenangan semasa pertama kali memperkenalkan Shotofsugar kepada orang ramai semasa Pesta Pengguna di ICC ia memberikan banyak kenangan dan pengajaran berguna buat kami, pertama kenangan manis apabila melihat semua pelanggan kami tersenyum sesudah melihat Freakshakes yang kami buat kerana ia kelihatan unik dan penuh warna-warni manakala kenangan pahit kami pula di mana pada hari terakhir Consumer Fair, tepat pada jam 9 malam, kami kehabisan stok tetapi masih ada pelanggan yang datang dan ingin membeli tetapi kami tidak dapat membuatnya kerana kehabisan stok barang-barang," ujarnya.

Jelasnya lagi, menu yang diperkenalkan telah mendapat sambutan yang sangat meriah dan setentunya turut gembira dan merasa sangat puas hati kerana Shotofsugar diterima oleh orang-orang kitani dan InsyaaAllah pada masa hadapan Shotofsugar berazam untuk mengembangkannya lagi menu-menunya jika mempunyai rezeki yang lebih.

Alhamdulillah, walaupun pertama kali memperkenalkan Shotofsugar nampaknya ia membuahkan hasil dan mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan dan terima kasih juga diucapkan kepada pelanggan-pelanggan Shotofsugar atas sokongan yang diberikan.



SALAH seorang pelanggan yang gembira mendapatkan pesanan Shotofsugar.



ANTARA rakan Dayang Amirah yang turut membantu membuat Shotofsugar pesanan pelanggan.



PELANGGAN Shotofsugar memperlihatkan pilihan mereka masing-masing.

375 graduan Politeknik Brunei terima sijil



PARA graduan Politeknik Brunei semasa Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3, Tahun 2017.

Dari muka 10

Dalam memenuhi keperluan sumber tenaga manusia di negara ini ujanjarnya lagi, PB akan terus berusaha untuk membekalkan para pelajarnya dengan pendidikan yang relevan selaras dengan keperluan masa kini.

"Sejak penubuhannya pada tahun 2012, PB yang berusia lima tahun ini telah menerima peningkatan dari segi jumlah permohonan kemasukan pelajar dari setahun ke setahun dan jumlah pengambilan pelajar telah bertambah, di mana jumlah keseluruhan pelajar adalah seramai 1,550 pada Disember 2016," terangnya.

Menurut Pengarah PB, pada tahun lalu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Syarikat TelBru serta DST telah berjaya ditandatangani, dan pada tahun ini, pihak politeknik

terangnya telah merancang untuk menandatangani beberapa MoU lagi dengan syarikat-syarikat dari dalam juga luar negeri.

Namun pada masa yang sama jelasnya, PB akan terus memantau kualiti sistem pengajaran juga pembelajaran yang dikendalikan, agar sistem ini sentiasa mengikut kehendak masa kini serta relevan pada keperluan sosioekonomi negara dan global.

"Pencapaian PB sebagai ahli institusi Akademi Oracle baru-baru ini adalah antara tindakan yang diambil untuk memastikan penyediaan isi kandungan kursus selaras dengan keperluan alam pekerjaan," tambahnya.

Dari itu, beberapa jawatankuasa penasihat program yang dilantik oleh PB yang terlibat daripada ahli-ahli majikan swasta dan awam yang

berkenaan juga akan memastikan isi kandungan kursus adalah relevan serta mengikut keperluan industri.

Tambah beliau lagi, antara enam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah dikenal pasti dalam Pelan Perkembangan Lima Tahun 2015 - 2020 PB ialah kadar graduan yang berjaya mendapatkan pekerjaan.

Menurutnya lagi, Kajian Destinasi Graduan bagi pengambilan ketiga sedang dilaksanakan, manakala mengikut hasil kajian bagi pengambilan kedua telah menunjukkan bahawa kadar graduan yang telah mendapatkan pekerjaan serta graduan yang telah melanjutkan pelajaran mereka adalah sebanyak 73 peratus, dan dari jumlah tersebut kadar graduan yang telah mendapatkan pekerjaan adalah sebanyak 64 peratus.

Dalam usaha untuk memperkembangkan keusahawanan pula, PB katanya, sedang giat bekerjasama dengan pihak 'Entrepreneurship Village' UBD, di mana pihak mereka telah banyak menyumbang sumber nasihat pada PB bagi memastikan projek-projek pelajar yang mengikuti modul 'Entrepreneurship' dan Projek Tahun Akhir pelajar adalah relevan juga realistik.

Di samping itu, pihak PB turut mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak-pihak tertentu mengenai pelaksanaan 'Technology Enterprise Development Programme' sebagai sumber rakan kongsi penting, di mana 'Technology incubation' dan paten / hak intelek pelajar yang berdaya kreatif akan diusahakan melalui kerjasama ini.

Kemuncak acara ialah penyampaian sijil-sijil Diploma Lanjutan kepada seramai 375 graduan, iaitu seramai 163 graduan menerima sijil Diploma Lanjutan dalam jurusan Program Perdagangan, 147 dalam jurusan Program ICT serta 35 dalam jurusan Sains dan Kejuruteraan yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan.

Pada majlis itu juga, seramai enam orang pelajar terbaik menerima anugerah masing-masing, antaranya Dayang Nuroh Azfifah binti Mohammad Roszaimy, graduan Diploma Lanjutan Kejuruteraan Telaga telah menerima dua kategori anugerah terdiri dari Anugerah Pelajar Terbaik (Keseluruhan) dan Anugerah Akademik Cemerlang bagi Sekolah Sains dan Kejuruteraan.

Sementara, Dayang Fatin Nabilah binti Haji Mohd. Yusop, graduan Diploma Lanjutan Pemasaran Perniagaan menerima Anugerah Akademik Cemerlang bagi Sekolah Perdagangan; dan Dayang Nur Ezzati Hasyimah binti Roslan, Diploma Lanjutan Media Digital menerima Anugerah Akademik Cemerlang bagi

Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Manakala, Awang Mohd. Ikmal Hakim bin Haji Mohd. Yunus, Diploma Lanjutan Perakaunan Perniagaan menerima Anugerah Cemerlang Aktiviti Pengayaan bagi Sekolah Perdagangan; Awang Zunurazmi bin Haji Mohammad, Diploma Lanjutan Pengkomputeran Web menerima Anugerah Cemerlang Aktiviti Pengayaan bagi Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Dayangku Siti Nurul Ashikin binti Pengiran Junaidi, Diploma Lanjutan Reka Bentuk Dalam menerima Anugerah Aktiviti Pengayaan bagi Sekolah Sains dan Kejuruteraan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Azrol Alim bin Haji Zaini.

Para graduan yang diraikan tersebut telah pun tamat mengikuti program pengajian masing-masing selama dua tahun yang telah ditawarkan oleh sekolah-sekolah di bawah PB, iaitu Sekolah Perdagangan, Sekolah Informasi Komunikasi dan Teknologi (ICT) serta Sekolah Sains dan Kejuruteraan.

Manakala Diploma Lanjutan adalah diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan melalui Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang sebanding dengan kelulusan BTEC Higher National Diploma (HND).

Hadir sama pada Majlis Konvokesyen tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Haji Ahmad serta Ahli-ahli Lembaga Pengelola PB; Naib-naib Canselor; Rektor dan ketua-ketua jabatan dari Kementerian Pendidikan dan para ibu bapa serta ahli keluarga graduan.

Perjuangan pelajar beri pencapaian cemerlang

Oleh : Nurafilabibah Mohd. Shafiee
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

TUNGKU LINK, Khamis, 26 Januari. - Perjuangan sebagai seorang pelajar telah memberikan kesedaran tentang pentingnya semangat dalam menghadapi pelbagai cabaran dan pentingnya sokongan bagi menyemarakkan semangat itu secara konsisten.

Perasaan itu dinyatakan oleh penerima Anugerah Hadiah Pelajar Cemerlang Keseluruhan dan Anugerah Akademik Cemerlang bagi Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Dayang Nuroh Azfifah binti Mohammad Roszaimy, graduan Diploma Lanjutan Kejuruteraan Telaga dalam temu bualnya bersama Pelita Brunei pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Kali Ke-3 Tahun 2017 yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada ahli keluarga terutama kepada ibu dan ayah tiri beliau yang banyak memberikan sokongan serta dorongan demi kejayaannya, kepada para pensyarah yang telah mendidik dengan penuh dedikasi, kesabaran dan empati juga kepada pihak Politeknik di atas pengiktirafan yang diberikan serta pihak Brunei Shell Petroleum dalam memberikan sokongan dan peluang untuk mengikuti kursus Well

Engineering di sepanjang pengendalian projek beliau.

"Terima kasih juga kepada 'Group Coordinator' dan 'Learning Advisor' bagi SWEN'03 serta pihak-pihak berkenaan yang selalu menginginkan yang terbaik daripada kami dan sejurus itu telah membukakan jalan bagi kami untuk menyertai dan sekali gus meraih tempat kedua di persaingan membuat model pelantar antarabangsa yang telah diadakan di Johor Bahru," ujarnya.

Namun beliau tidak lupa untuk memberikan kata-kata saranan dan motivasi kepada rakan-rakan seperjuangan Kelas 2014 untuk menyahut cabaran yang melanda juga jangan pernah menyerah kalah, sebagaimana menurut sebuah ungkapan jelasnya '*Hardships often prepare ordinary people, for an extraordinary destiny*'.

Seterusnya penerima Anugerah Akademik Cemerlang, Sekolah Perdagangan, Dayang Fatin Nabilah binti Haji Mohd. Yusop yang telah menamatkan Diploma Lanjutan dalam Pemasaran Perniagaan juga turut merakamkan rasa penghargaan dan terima kasihnya kepada ahli keluarga, tenaga pengajar BMKT03 dan kepada pihak Politeknik di atas pengiktirafan dan kepercayaan yang diberikan.

Melalui pencapaian itu terangnya, banyak memberikan pengalaman yang berharga terutama semasa sesi penempatan kerja, di mana institusi berkenaan telah memberikannya peluang untuk menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan seperti Majlis Perwakilan Pelajar yang telah melatih diri beliau untuk lebih berdisiplin dan bijak dalam pembahagian masa di antara mencapai kejayaan dalam bidang akademik juga sahsiah, ujarnya.

Sementara itu, bagi Awang

Zunurazmi bin Haji Mohammad, penerima Anugerah Cemerlang Aktiviti Pengayaan bagi Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang juga antara graduan yang telah menamatkan Diploma Lanjutan dalam Pengkomputeran Web menyatakan bahawa Majlis Konvokesyen tersebut merupakan simbol kejayaan para graduan, akan tetapi ia bukanlah penamat bagi pembelajaran mereka untuk terus berusaha dan berjuang memajukan diri demi masyarakat serta negara yang dicintai.

Namun penghargaan yang tidak terhingga tidak lupa diucapkan kepada kedua ibu bapa serta keluarga beliau yang sentiasa menyokong dan mendorongnya dalam pembelajaran dari beliau kecil sehinggalah beliau dapat mencapai impiannya, juga termasuk pihak Politeknik Brunei yang memberikan peluang kepada mereka untuk melanjutkan pengajian juga sentiasa berusaha memberikan sokongan dan komitmen mereka kepada para pelajar di institusi berkenaan.



DAYANG Nuroh Azfifah binti Mohammad Roszaimy, penerima Anugerah Hadiah Pelajar Cemerlang Keseluruhan dan Akademik Cemerlang bagi Sekolah Sains dan Kejuruteraan bagi Pengambilan Keempat, Politeknik Brunei Sesi Julai 2014.



AWANG Zunurazmi bin Haji Mohammad, penerima Anugerah Cemerlang Aktiviti Pengayaan, bagi Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, bagi Pengambilan Keempat Politeknik Brunei Sesi Julai 2014.



DAYANG Fatin Nabilah binti Haji Mohd Yusop, penerima Anugerah Akademik Cemerlang Bagi Sekolah Perdagangan, Pengambilan Keempat Politeknik Brunei Sesi Julai 2014.

Hayati lagu kebangsaan dan bendera negara

Berita dan Foto :
Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan (kanan) menyampaikan hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



TIMBALAN Pengetua Akademik Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong, Awang Rosman bin Haji Kasah.



AWANG Akmal Danish Mizwar bin Haji Amiruddin Erana, pelajar Tahun 7A, Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong.

TEMBURONG, Rabu, 25 Januari. - Seramai 140 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong (SMSHBT) berpeluang mendengarkan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara', anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong, yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan. Turut hadir semasa program ini ialah Timbalan Pengetua (Pentadbiran) SMSHBT, Awang Helmy bin Haji Abd. Rahman serta guru-guru kanan sekolah berkenaan.

Di dalam taklimatnya, Dayang Hajah Hamsah antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan'.

Para pelajar juga menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera'.

Seramai 10 pelajar turut menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Ah Chua bin Bangau, selaku Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan serta penyampaian cenderahati kepada pihak sekolah.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara. Sehubungan itu, salah seorang pelajar

yang ditemui, Awang Akmal Danish Mizwar bin Haji Amiruddin Erana, pelajar Tahun 7A, SMSHBT berpendapat, isi kandungan taklimat kenegaraan yang telah disampaikan sangat menarik dan beliau telah mendapat banyak informasi baharu, antaranya ialah mengetahui individu yang bertanggungjawab dalam mereka cipta bendera negara.

Selain itu, Awang Akmal Danish Mizwar turut tertarik dengan informasi mengenai tatacara betul menaik-kibarkan bendera dan akan melarutkan informasi yang diperolehi menerusi program ini kepada kaum keluarga serta rakan sebayanya.

Sementara itu, menurut Timbalan Pengetua Akademik SMSHBT, Awang Rosman bin Haji Kasah, program ini banyak memberikannya informasi berguna dan bermanfaat bukan sahaja kepada para pelajar serta guru-guru yang hadir, malah boleh dikongsikan bersama kaum keluarga serta masyarakat.

"Melalui taklimat ini, saya mengetahui mengenai sejarah Bendera Negara Brunei Darussalam terutama sejarah penambahan Panji-Panji sekitar tahun 1950-an, selain daripada itu turut menarik perhatian saya ialah mengenai tatacara menaik-kibarkan

bendera dengan betul, kerana dalam hal ini kebanyakan orang-orang kitani cuma tahu menaikkan bendera negara tanpa mengetahui terdapatnya garis panduan yang perlu diikuti dalam menaik-kibarkan bendera negara. Antara maklumat baharu yang juga saya perolehi menerusi taklimat ini ialah, prosedur cara-cara menghapuskan bendera negara, yang menurut saya adalah sangat penting untuk diketahui oleh semua lapisan rakyat di negara ini."

"Selain memberikan pendedahan kepada para pelajar Tahun 7 yang mungkin belum pernah didedahkan kepada informasi seumpamanya sebelum ini, saya juga merasakan program anjuran Jabatan Penerangan ini adalah sangat bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat bukan sahaja dalam kalangan penuntut dan guru-guru, dan berharap program ini akan terus memberikan pengetahuan yang berguna kepada rakyat Negara Brunei Darussalam supaya menjadikan mereka lebih memiliki semangat nasionalisme yang tinggi, lebih-lebih lagi kitani akan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 yang akan menjelang tidak lama lagi," ujarnya.



SEBAHAGIAN pelajar Tahun 7 lelaki mendengarkan taklimat yang disampaikan.

Tingkatkan pengetahuan pelajar mengenai ASEAN



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan yang juga Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa (kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang penuntut yang turut serta menjawab kuiz.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

SERASA, Rabu, 25 Januari. - Seramai 200 pelajar Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam (SMPIHM) mendengarkan taklimat Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar-pelajar sekolah mengenai ASEAN.

Jerayawara anjuran Jabatan

Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI itu turut dihadiri oleh Timbalan Pengetua sekolah menengah berkenaan, Awang Haji Mahleyuddin bin Haji Matussin selaku tetamu kehormat.

Turut hadir pada acara yang

diadakan di Dewan Sekolah tersebut ialah pegawai dan kakitangan dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan serta guru-guru sekolah berkenaan.

Taklimat pada Jerayawara berkenaan disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan yang juga Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa.

Jerayawara yang diungkuhkan itu bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini, memandangkan mereka merupakan golongan belia yang berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara dalam mewarnai corak peradaban bangsa bagi membentuk generasi pelapis.

Ia juga diadakan bagi mengenal pasti, sejauh mana para penuntut mengetahui mengenai ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN selaras dengan moto ASEAN 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti'.

Antara yang diketengahkan dalam taklimat itu ialah maklumat mengenai Wawasan 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau.

Pengetahuan tersebut wajar

diketahui oleh para penuntut bagi meningkatkan kesedaran tentang perkembangan negara di mata serantau serta menjadi pencetus semangat bagi mereka agar lebih gigih memajukan tanah air bagi merealisasikan Wawasan 2035.

Kuiz Kenali ASEAN juga diadakan sejurus selesai taklimat berkenaan.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat kepada 10 penuntut yang telah berjaya menjawab kuiz tersebut dan diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada

Timbalan Pengetua SMPIHM.

Jerayawara Kenali ASEAN merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan ASEAN (ASEAN-ness) dalam kalangan para pelajar dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan pada masa yang sama, bagi mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya pelajar-pelajar di Negara Brunei Darussalam.



ANTARA murid Tahun 7 dan 8 yang hadir semasa jerayawara tersebut.



**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tawaran secara sebutharga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

No.	Description	Quantity
1.	Supply, Installation and Delivery of 10G Module and SFP+ for Floor Uplink	1 Lot
2.	Supply and Delivery of A3 Scanner	1 unit

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi di Tingkat 2, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Sebutharga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang berasingan mengikut bilangan sebutharga yang disertai. Sampul surat berkenaan hendaklah tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat dan bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis bilangan sebutharga dan tajuk Kerja-Kerja yang disertai.

Sebutharga hendaklah dihadapkan tidak lewat dari jam **2.00 petang pada hari Khamis, 9 Februari 2017** kepada alamat berikut:

**Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga
Tingkat 2, Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510,
Negara Brunei Darussalam**

Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**BILANGAN TAWARAN :
JKP/SH/2016-2017/9**

**TAJUK TAWARAN :
'SUPPLYING AND INSTALLING
MOORING BUOYS
FOR DIVING ACTIVITY
AT PILONG-PILONG ISLAND'**

**DOKUMEN TAWARAN :
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
KHAMIS, 9 FEBRUARI 2017,
JAM 2.00 PETANG**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat berdaftar yang berpengalaman dalam membekalkan dan memasang *Mooring Buoys* bagi aktiviti menyelam di Pulau Pilong-Pilong. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kemajuan Pelancongan
Tingkat 3, Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** yang terletak di **Tingkat Tiga, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam**, tidak lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam tawaran tersebut.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 3, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

**Isnin hingga Khamis :
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu :
8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi**

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang tawaran asal yang telah disediakan.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam **tidak terikat** untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : JPA/KPA/TEND/01/2017

**PERKHIDMATAN RESTORAN / KANTIN
KELAB PERKHIDMATAN AWAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN (2017 - 2020)**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Dibukakan kepada pengendali restoran / kantin yang berlesen. Tempoh tawaran adalah selama tiga (3) tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani.

2. Tawaran hendaklah dihantar ke :

**PETI SEBUT HARGA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
TINGKAT 4
BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

3. Tarikh tutup tawaran ialah pada **ISNIN, 20 FEBRUARI 2017, JAM 2.00 PETANG**. Mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul serta jelas menggunakan borang yang disediakan dan seterusnya dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi dengan membubuh **Bilangan** dan **Tajuk Tawaran** di sebelah kiri sampul surat tanpa membubuh nama syarikat / pembekal.

5. Tawaran hendaklah disertakan dengan **Sijil Perniagaan** yang berdaftar dan diakui masih sah laku.

6. Keterangan lanjut serta borang tawaran boleh diperolehi dengan percuma di alamat berikut :

**KAUNTER UNIT KEWANGAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
TINGKAT 4
BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. Mereka yang menyertai tawaran ini adalah dikehendaki untuk membuat lawatan atau tinjauan lokasi, di mana restoran / kantin itu ditempatkan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 'tidak semestinya menyokong tawaran yang paling rendah'.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

NOTIS JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM

**PETI TAWARAN SEBUTHARGA
TINGKAT 1,
BAHAGIAN PENGHANTARAN & PEMBAHAGIAN
IBU PEJABAT JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN DIIKLANKAN		TARIKH MENYAKSIKAN
TARIKH DIBUKA	TARIKH DITUTUP	
01hb Februari 2017	08hb Februari 2017 (Jam: 3.00 Petang)	01hb hingga 08hb Februari 2017 Jam 8:30 - 11:30 Pagi (Pada hari-hari waktu bekerja)

LOT	KETERANGAN	KUANTITI	TEMPAT
1	Generator	14 Unit	Store 66kv P.Putih Tanjung Maya Tutong
2	Kerusi Pejabat	36 Unit	JPE, Cawangan Daerah Temburong
3	Faks Machine	1 Unit	

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan. Barang yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.

2. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengensinya bolehlah diperolehi dari Unit Pendaftaran, Bahagian Perdagangan, Tkt 1, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas atau menghubungi di talian 2382090 sambungan 201.



JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

BAHAGIAN PENDAFTARAN
MAHKAMAH BESAR
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA

AKAUN-AKAUN YANG DISIMPAN
DI BAWAH NAMA KETUA
PENDAFTAR, MAHKAMAH BESAR

ADALAH dengan ini dipohonkan kerjasama daripada penama-penama tersebut di bawah untuk menghadirkan diri ke mahkamah untuk tujuan menuntut dan mengembalikan akaun-akaun ini memandangkan akaun-akaun ini belum pernah dituntut di mahkamah. Nama-nama akaun-akaun tersebut adalah seperti berikut :

Nama :
1. NGU KIEW ENG

2. NGU GOH SING
3. NGU GOH UNG
4. NGO KIU HO
5. NGU KUI KING
6. NGU KUI HA
7. NGU GOH HING
8. HAMID ANAK BANGA
9. TONY ANAK BANGA
10. ABDUL RAHMAN GHANI

Kepada penama-penama atau waris kepada penama-penama yang dinyatakan supaya akan dapat menuntut akaun-akaun ini di Bahagian Pendaftaran, Tingkat 2, Mahkamah Tinggi.

Sebagai peringatan penama-penama dan waris tersebut hendaklah membawa kad pengenalan, surat beranak, salinan perintah mahkamah yang dikeluarkan dan dokumen-dokumen

yang berkaitan dengan kes tersebut semasa membuat tuntutan.

Jika ada sebarang pertanyaan mengenai dengan perkara tersebut di atas, sila hubungi Bahagian Pendaftaran, Mahkamah Besar di alamat seperti berikut :

Alamat : Bangunan Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar, KM 1½, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, BA2920, Negara Brunei Darussalam.

Nombor Telefon : +673 2220183, +673 2243939
(sambungan 146, 133, 129)
Faksimile : +673 2241984

Waktu
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi
2.00 Petang hingga 4.00 Petang
(waktu dan hari bekerja)



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG

SURAT KUASA PUSAKA : T/LA/01/2017

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh HAMID BIN KAYA kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh KAYA BIN SUNGKAI yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH TUTONG pada 11 FEBRUARI 2017, jam 9.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Januari 2017.

(DK. NORAFIDAH BINTI PG. HAJI BUNGSU)
B/p. Timbalan Pegawai Waris Tutong
Negara Brunei Darussalam.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

I. BILANGAN TAWARAN : 8/DBP/SH2016-2017
TAWARAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH DI BANGUNAN-BANGUNAN PERPUSTAKAAN, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

II. BILANGAN TAWARAN : 9/DBP/SH2016-2017
TAWARAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN DI BANGUNAN-BANGUNAN PERPUSTAKAAN, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

III. BILANGAN TAWARAN : 10/DBP/SH2016-2017
PROPOSED RENOVATION FOR ARCHIVES ROOM 2ND FLOOR AT DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA TUTONG LIBRARY BRUNEI DARUSSALAM.

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam peti dan dialamatkan kepada :

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Tingkat 4, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

tidak lewat pukul 2.00 petang pada Selasa, 7 Februari 2017

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat : TAWARAN BAGI

I. BILANGAN TAWARAN : 8/DBP/SH2016-2017
TAWARAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH DI BANGUNAN-BANGUNAN PERPUSTAKAAN, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

II. BILANGAN TAWARAN : 9/DBP/SH2016-2017
TAWARAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN DI BANGUNAN-BANGUNAN PERPUSTAKAAN, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

III. BILANGAN TAWARAN : 10/DBP/SH2016-2017
PROPOSED RENOVATION FOR ARCHIVES ROOM 2ND FLOOR AT DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA TUTONG LIBRARY BRUNEI DARUSSALAM.

Jam / Tarikh Tutup :
tidak lewat pukul 2.00 Petang pada Selasa, 7 Februari 2017

4. Untuk pembayaran dokumen tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi Unit Kewangan, Tingkat 4, Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam pada hari bekerja :

Isnin hingga Kamis dan Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.30 Petang

5. Yuran tawaran sebanyak BND10.00 bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah

7. Salinan dokumen-dokumen seperti pendaftaran perniagaan, lesen rampaian, kad pengenalan / pasport dan daftar pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran

8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai 26 Januari 2017 dan tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 6 Februari 2017.



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG

SURAT KUASA PUSAKA : T/LA/03/2017

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh HASMI BINTI JINGAN kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh HIZAM BIN KANAH yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah BALU kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH TUTONG pada 11 FEBRUARI 2017, jam 9.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Januari 2017.

(DK. NORAFIDAH BINTI PG. HAJI BUNGSU)
B/p. Timbalan Pegawai Waris Tutong
Negara Brunei Darussalam.



**BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA (BKBK)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
15/DISEMBER/2016/1.40/16 (R)

PERKHIDMATAN PENGHANTARAN DAN PENYEWAAN KERETA 'BUGGY' (GOLF CART) BAGI KEM LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) BATU APOI, TEMBURONG, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat / pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan diiktiraf sebagai pembekal perkhidmatan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.
2. Dokumen tawaran boleh diperoleh dari Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja.
3. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat / pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (*bona-fide-tender*).
4. Penerangan lanjut boleh dirujuk ke Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBK) semasa waktu bekerja melalui talian telefon : +673 2340033 / +673 2340045 yang bertempat di Ibu pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBK), Blok 18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerek Desa, Jalan Berakas, BB3713, Negara Brunei Darussalam.
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan **15/DISEMBER/2016/1.40/16 (R)** - Kontrak bagi **PERKHIDMATAN PENGHANTARAN DAN PENYEWAAN KERETA 'BUGGY' (GOLF CART) BAGI KEM LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) BATU APOI, TEMBURONG, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** tanpa menyatakan nama syarikat / pembekal dengan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di :

Tingkat 1
Ruang Masuk / Penyambut Tetamu (depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.
(PETI TAWARAN BERWARNA HIJAU)
Tidak lewat jam 2.00 Petang, Khamis, 16 Februari 2017.

7. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada **Rabu, 15 Februari 2017, jam 2.00 Petang.**
8. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
9. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat / pembekal adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.
10. Tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
11. Setiap borang tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran (seperti kenyataan para 11) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 3).
12. Syarikat / pembekal yang dimiliki oleh pegawai / kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
14. Kesemua syarikat / pembekal yang mengambil bahagian dalam tawaran adalah DIMESTIKAN untuk hadir ke taklimat tawaran (*tender briefing*) pada **Rabu, 15 Februari 2017, jam 2.30 Petang di Ibu Pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBK), Blok B18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerek Desa, Jalan Berakas, BB3713, Negara Brunei Darussalam.**
15. Syarikat / pembekal yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).

menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong. Bagaimanapun bilangan nombor rujukan tawaran (*tender reference no.*) dari tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.

4. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Rabu, 8 Februari 2017, jam 2.00 Petang.**

5. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :

PENGARAH
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
FAO. : DEPUTY DIRECTOR
(OPERATION)

Dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Radio Televisyen Brunei, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan.**

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak hendaklah menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

8. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan.



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

1. TAWARAN KASTAM 30/2016 PERKHIDMATAN KANTIN IBU PEJABAT KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perniagaan 16 dan 17 dan Lesen Rampaian Khusus bagi Perniagaan Penyajian dan Penyediaan Makanan (Restoran) atau Perniagaan Katering yang sah dan berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Borang dan maklumat tawaran bolehlah diperoleh di Bahagian Klasifikasi & Pengurusan Projek-Projek, Tingkat 2, Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.
3. Sebut Harga tawaran sewa hendaklah dalam mata wang Ringgit Brunei Darussalam (BND).
4. Hendaklah menyatakan tempoh sah laku tawaran;
5. Tempoh bagi tawaran perkhidmatan kantin ini adalah selama **TIGA (3) TAHUN** sahaja.
6. Hendaklah menyertakan profil syarikat dan pengalaman dalam pengurusan perkhidmatan kantin di negara ini (jabatan-jabatan kerajaan atau kementerian)
7. Penender mestilah menyertakan keterangan senarai jenis makanan dan

minuman lengkap dengan harga setiap satu.

8. Hendaklah menyenaraikan jumlah pekerja yang akan melaksanakan perkhidmatan kantin ini termasuk tukang masak beragama Islam yang akan ditempatkan nanti.

9. Hendaklah bersedia menjalankan perkhidmatan kantin di luar waktu bekerja jika diperlukan oleh jabatan,

10. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam** dalam sampul surat yang tertutup rapat (*sealed*) pada :

Hari : Selasa
Tarikh : 21 Februari 2017
Jam : 2.00 Petang

Sampul surat tawaran hendaklah ditulis seperti berikut :

SULIT

BILANGAN TAWARAN : TAWARAN KASTAM 30/2016 PERKHIDMATAN KANTIN IBU PEJABAT KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

11. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

No. Tawaran : JPPK/LTN/01/2017

Tajuk Tawaran :
**DEVELOPMENT OF
MILITARY ACADEMY,
KAMPONG TANAH JAMBU,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM -
PACKAGE 3 - ACCOMODATION
BUILDINGS, SPORTS FACILITIES
AND ASSOCIATED EXTERNAL
WORKS - SUPPLY, DELIVERY
AND INSTALLATION OF
WARDROBE / CABINERY**

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)
Kelas : III DAN KE ATAS

Kategori : P06
Tempoh Penyiapan : TIGA (3) BULAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

A. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkih Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 21 Februari 2017.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkih Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 17 Februari 2017, Jumaat, jam 11.00 Pagi.**

B. Bayaran tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Pintu Masuk 5, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkih Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran pada hari-hari biasa :
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang

Jumaat
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi

Waktu bagi mengambil dokumen tawaran adalah pada waktu pejabat.

C. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

D. Pemborong yang tidak memenuhi kelas dan kategori yang dinyatakan, tidak akan dibenarkan untuk menyertai tawaran ini.

E. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

F. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

G. **Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.**

H. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

I. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.

J. Pembekal kelas rendah yang berkeinginan untuk ikut serta hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dengan memohon secara bertulis ke alamat Pengarah Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkih Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam. Permohonan tersebut hendaklah dihantar dan diterima oleh jabatan tidak lewat satu (1) minggu dari tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran.



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS TAWARAN

TENDER NO. :
RTB/K/48/RKN GS/2016
**CLEANING OF RADIO TELEVISION
BRUNEI HEADQUARTER,
BANDAR SERI BEGAWAN
FOR PERIOD OF ONE (1) YEAR**

TENDER NO. :
RTB/K/49/RKN GS/2016
**CLEANING OF RADIO TELEVISION
BRUNEI NEW BROADCASTING
COMPLEX, KG. SG. AKAR
FOR PERIOD OF ONE (1) YEAR**

Bayaran Tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup : 8 FEBRUARI 2017

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang mempunyai sijil pendaftaran kontraktor, berdaftar dalam S01 & S02 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari **Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam** dengan menunjukkan resit pembayaran semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan).**

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 11 Januari 2017**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Selasa pada 7 Februari 2017**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap. 114).
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Pender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL. TAWARAN : KK/03/2017(LAB)

**KETERANGAN :
TO REMOVE, TRANSPORT, MOBILISE AND DISPOSE CHEMICAL WASTE
FROM LABORATORY SERVICE MINISTRY OF HEALTH**

**YURAN TAWARAN : BND10.00
TARIKH TUTUP : Tidak lewat Jam 2.00 Petang :
7 FEBRUARI 2017**

BIL TAWARAN : KK/03/2017(LAB)(TC)

**KETERANGAN :
TO SUPPLY AND DELIVERY LABORATORY TEST KITS WITH PROVISION
OF EQUIPMENT FOR BLOOD DONOR SCREENING, BLOOD DONATION CENTRE,
CLINICAL LABORATORY SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS**

**YURAN TAWARAN : BND500.00
TARIKH TUTUP : Tidak lewat Jam 2.00 Petang :
7 FEBRUARI 2017**

BIL TAWARAN : KK/04/2017(LAB)(TC)

**KETERANGAN :
TO SUPPLY AND DELIVERY QUANTITATIVE PCR KITS
(VIRIOLOGY-MOLECULAR) WITH EQUIPMENT RENTAL
FOR VIROLOGY SECTION,
CLINICAL LABORATORY SERVICE
MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS**

**YURAN TAWARAN : BND500.00
TARIKH TUTUP : Tidak lewat Jam 2.00 Petang :
7 FEBRUARI 2017**

BIL TAWARAN : KK/05/2017(LAB)(TC)

**KETERANGAN :
TO SUPPLY AND DELIVERY ELISA TEST KITS (VIROLOGY SPECIAL)
FOR VIROLOGY SECTION, CLINICAL LABORATORY SERVICE
MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS**

**YURAN TAWARAN : BND500.00
TARIKH TUTUP : Tidak lewat Jam 2.00 Petang :
7 FEBRUARI 2017**

IKLAN WEBSITE PADA 11 JANUARI 2017



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN : Q.JDT/01/2017

**TAJUK TAWARAN :
TAWARAN SEBUT HARGA BAGI PENYEWAAN DAN MENJALANKAN
PERNIAGAAN KEDAI RUNCIT DI DEWAN KEMASYARAKATAN,
KAMPUNG BUKIT BERUANG, DAERAH TUTONG**

DOKUMEN TAWARAN : BND20.00

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari **Bahagian Perlesenan, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Daerah Tutong, semasa waktu bekerja :**

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
dan
1.30 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi**

3. Dokumen tawaran sebut harga dikenakan bayaran sebanyak **BND20.00 (Ringgit Brunei : Dua Puluh)**. Tarikh tutup menghantar tawaran ialah pada **ISNIN, 20 FEBRUARI 2017, JAM 2.00 PETANG**.

4. Tawaran sebut harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang ditutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan :

Q.JDT/01/2017

**TAWARAN SEBUT HARGA BAGI PENYEWAAN DAN MENJALANKAN
PERNIAGAAN KEDAI RUNCIT DI DEWAN KEMASYARAKATAN
KAMPUNG BUKIT BERUANG, DAERAH TUTONG.**

5. Tawaran sebut harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Jabatan Daerah Tutong.**

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan, dan **hendaklah disikan dengan lengkap. Penender yang menghantar tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.**

8. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki untuk membawa Sijil Pendaftaran Perniagaan (*Business Name Enactment Section 16 and 17*) yang sah.

9. Penender mestilah menurunkan *initial* pada setiap muka surat yang diperlukan, di mana maklumat telah pun diisikan oleh penender.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk memilih atau menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BIL. TAWARAN : UBD/E8/001/2017

**KETERANGAN :
DESIGN AND BUILD
OF NEW HERBAL GARDEN CAFÉ AT
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**BAYARAN
DOKUMEN & PENTADBIRAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran & Sebut Harga, Bangunan Pentadbiran Universiti Brunei Darussalam Jalan Tungku Link BE1410, Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat jam 2.00 PETANG pada
SELASA, 7 FEBRUARI 2017.**

(2) Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

(3) Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.

(4) Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

(5) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong dan ditujukan kepada :

PENGERUSI

**JAWATANKUASA TAWARAN
TABUNG UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK, BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

(6) Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh dari Universiti Brunei Darussalam.

(7) Bayaran Dokumen & Pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan WANG TUNAI.

**Waktu menerima cagaran tawaran
adalah seperti berikut :**

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.30 Petang hingga 3.30 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.30 Petang hingga 3.30 Petang**

(8) Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

(9) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

(10) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

(11) Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari [http : www.ubd.edu.bn](http://www.ubd.edu.bn)



Syarat dalam melaksanakan amal ibadat

keredaan, kasih sayang dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada dalam bentuk perbuatan atau ucapan yang zahir mahupun yang batin. Semuanya itu adalah ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Adakah pernah terlintas dalam hati kita apakah ibadat yang kita lakukan selama ini diterima ataupun tidak? Maka, tidak ada seorang pun yang dapat menjamin hal ini, sehingga setiap orang Islam atau seorang Mukmin itu akan sentiasa beramal dengan perasaan berharap dan cemas. Di mana ia berharap agar mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala serta janji-janji yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran dan ia juga mempunyai perasaan cemas kalau-kalau ibadatnya tidak diterima. Oleh itu, perasaan berharap dan cemas itu adalah merupakan dorongan bagi setiap Mukmin untuk mempertingkatkan amal makruf atau ibadat mereka dari semasa ke semasa dan membolehkan ia bermunajat dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping itu sebagai benteng diri kita daripada melakukan perkara yang mungkar, dosa dan maksiat.

Dalam kita melaksanakan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kita mestilah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Jika sekiranya amalan-amalan kita tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka ia hanya akan menjadi perbuatan yang sia-sia sahaja. Antara syarat-syarat yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

Pertama : Niat

Niat amat penting sebelum melaksanakan sesuatu perkara. Dengan niat boleh membezakan antara amal ibadat dengan amalan biasa atau adat, begitu juga antara amalan-amalan yang diniatkan kerana Allah Subhanahu Wata'ala atau niat kerana yang lain-lain. Supaya setiap perbuatan menjadi amal ibadat, ia mesti diikuti dengan niat yang betul, iaitu niat ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "Daripada Amirul Mukminin Abi Hafsin Umar ibni Al-Khattab Radhiallahuanhu dia berkata, aku mendengar

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *Sesungguhnya setiap perbuatan tergantung niatnya. Dan sesungguhnya setiap orang akan dibalas berdasarkan apa yang ia niatkan.*" (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari)

Kedua : Amal yang dibuat tidak melanggar hukum syarak

Jika kita berniaga pastikan barang jualan itu adalah halal dan mengikut peraturan syarak mahupun undang-undang negara seperti hindari daripada menjual makanan dan minuman yang haram, barang curi, barang palsu, barang-barang shubahat, barang-barang yang ditegah oleh pihak kastam dan sebagainya. Ketahuilah jualan yang melanggar syarak atau negara, walaupun dengan niat yang betul sekalipun namun amalan tersebut tidak akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Pelaksanaan di dalam setiap perkara mestilah mengikut peraturan-peraturannya. Lebih-lebih lagi jika kita ingin melakukan ibadat, kita haruslah mendalami peraturan itu supaya itu benar-benar berada di atas landasan syariat yang Allah Subhanahu Wata'ala telah tetapkan. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al 'Ankabut, ayat 69 :

Tafsirnya : "Dan orang-orang yang berjihad untuk Kami, Kami tentu akan menunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat kebaikan."

Ketiga : Amalan hendaklah dilakukan dengan penuh kesungguhan

Untuk memastikan amalan tersebut menjadi ibadat, ia perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan tekun. Umpamanya seorang pegawai yang ingin menjadikan pekerjaannya itu sebagai ibadat, maka perlulah ia bekerja dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Begitu juga dalam melakukan amal ibadat seperti bersembahyang dan berdoa ia hendaklah dilakukan dengan tekun dan perasaan yang penuh khusyuk dan tawaduk. Di samping itu, kita janganlah mudah berputus asa dengan doa yang belum dimakbulkan.

Keempat : Natijah yang memberi manfaat

Natijah merupakan hasil usaha seseorang. Hasil itu mestilah baik kerana ia merupakan pemberian Allah Subhanahu Wata'ala ataupun

nikmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya. Mereka yang menerima pemberian itu wajib bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah hasil daripada usaha atau amal ibadat yang telah kita lakukan itu menyebabkan kita menjadi sombong, bangga diri dan riak. Akan tetapi dengan hasil usaha dan amal ibadat kita itu boleh dimanfaatkan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat seperti menyeru berbuat amal makruf dan mencegah perbuatan mungkar.

Kelima : Tidak meninggalkan ibadat asas

Untuk menjadikan amalan seharian kita menjadi suatu ibadat, kita jangan pula melupakan dua perkara utama yang menjadi asas ibadat, iaitu Rukun Iman dan Rukun Islam. Yang mana ia merupakan sandaran untuk menegakkan amalan-amalan yang lain. Jangan disebabkan terlalu sibuk berniaga menyebabkan kita melalaikan dan meninggalkan sembahyang fardu, tidak berpuasa di bulan Ramadan, tidak mengeluarkan zakat, tidak menutup aurat, terlibat dengan pergaulan bebas dan seumpamanya.

Dalam menunaikan kewajipan kita sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala di muka bumi ini, marilah kita sama-sama muhasabah diri sejauh mana kita dapat mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berbuat amal kebajikan di dunia ini dan sejauh mana amal ibadat yang telah kita lakukan selama ini akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga kita dapat menjalani kehidupan beramal ibadat di dunia ini dengan penuh keikhlasan, tawaduk dan rasa penuh ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita berdoa semoga amal ibadat yang telah kita lakukan akan diterima dan mendapat taufik hidayah dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Yaa Rabbal Alamin.

Surah Al Kahfi, ayat 110 :

Tafsirnya : "Katakanlah : Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa maka sesiapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amalan soleh dan janganlah dia mempersekutukan Tuhannya dengan sesiapa pun dalam beribadat kepada-Nya."

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Hidup di dunia ini mempunyai tujuan dan matlamat yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana tersebut di dalam Al-Quran bahawa matlamat hidup manusia di muka bumi ini adalah untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Adz-Dzaariyaat, ayat 56 :

Tafsirnya : "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah-Ku."

Sesungguhnya yang dimaksudkan dengan ibadat tersebut adalah amat luas, ia bukan sahaja bermakna mengerjakan puasa, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan ibadat haji atau sebagainya, akan tetapi ibadat yang dimaksudkan di dalam ayat di atas adalah ibadat umum sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh para ulama, iaitu ibadat yang meliputi segala bentuk aktiviti dengan harapan untuk mendapatkan



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain (kiri) menyampaikan piala dan hadiah kepada pemenang Pertandingan Dikir Syarafil Anam Kategori Lelaki, Firqah Khairul Mu'minin, Kiudang.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Khamis, 26 Januari. - Pasukan Dikir Firqah Khairul Mu'minin, Kiudang dan Pasukan Dikir As-Syifa', Mukim Pekan Tutong, masing-masing muncul juara Kategori

Lelaki dan Perempuan pada Pertandingan Dikir Syarafil Anam Bagi Mukim-Mukim Daerah Tutong Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Firqah Khairul Mu'minin dan As-Syifa' juara Pertandingan Dikir Syarafil Anam

Wasallam Tahun 1438 Hijrah / 2016 Masihi.

Manakala naib juara bagi Kategori Lelaki diraih oleh Pasukan Dikir Al-Mujtahidun, Mukim Lamunin dan Pasukan Dikir Syababul Iman, Mukim Pekan Tutong tempat ketiga.

Naib juara bagi Kategori Perempuan pula ialah Pasukan Dikir Mar'atul Mumtazah, Mukim Lamunin dan Pasukan Dikir Ummul Raudah, Mukim Keriam tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah

Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain pada majlis yang berlangsung di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Sementara itu, Persembahan Pasukan Lelaki Terbaik disandang oleh Pasukan Dikir Al-Baraqah, Mukim Telisai dan Persembahan Pasukan Perempuan Terbaik diraih oleh Pasukan As-Syifa', Mukim Pekan Tutong.

Terdahulu, Penghulu Mukim Telisai, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku

Pengerusi Bersama Pertandingan tersebut dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan bahawa pertandingan berkenaan dianjurkan bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam Tahun 1438 Hijrah / 2016 Masihi Peringkat Daerah Tutong dan Majlis Perundingan Mukim Telisai.

Sebanyak sembilan buah pasukan yang terdiri dari lima pasukan wanita dan empat pasukan lelaki menyertai pertandingan tersebut.



SALAH sebuah kumpulan perempuan yang menyertai Pertandingan Dikir Syarafil Anam Bagi Mukim-Mukim Daerah Tutong Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1438 Hijrah / 2016 Masihi.

Kukuhkan kerjasama bidang pendidikan, penyelidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Januari. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menerima lawatan kerja daripada rombongan Al-Fatih Islamic Campus Branch of Shams Higher Institute for Shari'ah, Arabic and Islamic Studies, Damsyik, Syria.

Rombongan seramai tiga orang ahli itu diketuai oleh Rektor Universiti berkenaan, Profesor Dr. Husameddin Farfour M. Salleh.

Lawatan tersebut adalah bagi mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan, selain mengenal pasti peluang kerjasama di antara kedua universiti dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pihak KUPU SB dan pihak Al-Fatih Islamic Campus Branch of Shams Higher Institute for Shari'ah, Arabic and Islamic Studies, Syria.

Di samping itu, lawatan itu juga bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan dengan program-program yang ditawarkan oleh KUPU SB dan bagi melihat peluang kerjasama dalam bidang pendidikan agama Islam di antara kedua-dua universiti.

Terdahulu, acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha diikuti dengan sesi perbincangan kedua-dua belah pihak.

KUPU SB ditubuhkan pada awal



PEMANGKU Timbalan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha (tengah) bergambar kenangan bersama Rektor Al-Fatih Islamic Campus Branch of al-Shams Higher Institute for Syariah, Arabic and Islamic Studies, Damascus, Syria, Profesor Dr. Husameddin Farfour M. Salleh (empat, kiri) dan rombongan sejeurus tiba di KUPU SB.

Tahun Baharu Hijrah 1428 Hijrah bersamaan dengan 20 Januari 2007 Masihi, iaitu berikutan pengisytiharan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1428 dan kemudiannya dinaik taraf kepada peringkat Kolej Universiti dari peringkat Maktab Perguruan Ugama. KUPU SB akan sentiasa

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

memantapkan program latihan perguruannya, menggiatkan kajian dan penyelidikan serta penerbitan dan menjalinkan kerjasama dengan

institusi pengajian tinggi yang lain untuk pembangunan program, penyelidikan, pengurusan dan sumber tenaga manusia.

Lahirkan masyarakat capai sara diri mampan



FORUM dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Latihan Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Awang Haji Noor Hussein bin Haji Mohd. Hussein (tengah) dan ahli panel terdiri daripada pesara, iaitu Awang Haji Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba (kiri) dan Awang Haji Md. Zain bin Haji Tengah (kanan).

TUNGKU, Rabu, 25 Januari. - Bagi melahirkan individu dalam masyarakat berupaya mencapai sara diri yang

mampan, satu forum bertajuk 'Persaraan Satu Pengalaman' anjuran Institut Perkhidmatan Awam (IPA),

Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah diadakan bagi 92 pegawai dan kakitangan kerajaan Divisyen 1



PENGARAH IPA, Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali (kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada forum tersebut.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

hingga 5 dari pelbagai jabatan dan kementerian Perkhidmatan Awam.

Forum tersebut merupakan salah satu pengisian bagi Kursus Persediaan Persaraan.

Kursus selama 10 hari yang bermula pada 16 Januari 2017 lalu itu antara lain bertujuan untuk mempersiapkan diri para peserta kursus dari segi mental dan fizikal selain memperoleh pengetahuan dan kemahiran mengenai perancangan persaraan, peluang-peluang penyertaan dalam bidang perniagaan, keusahawanan, kemasyarakatan, keagamaan dan juga sosial.

Hadir selaku tetamu kehormat pada forum berkenaan ialah Pengarah IPA, Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali.

Forum dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Latihan IPA, Awang Haji Noor Hussein bin Haji Mohd. Hussein manakala ahli-ahli panel pula terdiri daripada pesara, iaitu Awang Haji Metussin bin Orang

Kaya Sura Haji Tuba dan Awang Haji Md. Zain bin Haji Tengah.

Penolong Pegawai Latihan IPA, Awang Haji Noor Hussein ketika ditemui berkata, Kursus Persediaan Persaraan diadakan sebanyak empat ke lima kali dalam setahun.

Kursus ini jelasnya, terbahagi kepada tiga modul iaitu pertama, persediaan dan perancangan persaraan; kedua ialah mengenai kerohanian, kesihatan dan kemasyarakatan dan ketiga ialah berkaitan dengan peluang-peluang keusahawanan.

"Bersara tidak bermakna sumbangan rakyat kepada negara itu putus. Kursus ini akan memberikan pendedahan dan persiapan mental, kerohanian, kemasyarakatan serta peluang-peluang dan bidang-bidang perniagaan yang boleh diceburi oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang bakal bersara," tambahnya.



ANTARA para peserta kursus yang hadir semasa forum tersebut.

Jabatan Perikanan kendali kursus kawalan kualiti berasaskan Surimi



PARA peserta Kursus Teknologi Pemprosesan dan Kawalan Kualiti Produk Berasaskan Surimi semasa bergambar ramai bersama Pengarah Perikanan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perikanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Januari. - Ke arah memberikan pengetahuan dan kemahiran asas teknologi pemprosesan makanan laut dan kawalan kualiti dalam menghasilkan produk berasaskan Surimi, Jabatan Perikanan telah mengendalikan kursus

bagi ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) serta syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam pemprosesan makanan laut.

Kursus Teknologi Pemprosesan dan Kawalan Kualiti Produk Berasaskan Surimi itu telah diadakan selama empat hari bermula pada 23 hingga 26 Januari 2017 bertempat di Bangunan Pemprosesan Ikan Muara,

Jabatan Perikanan.

Tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan adalah dari Myscape Management Sendirian Berhad iaitu anak Syarikat MARDI Malaysia.

Antara lain, kursus mengandungi aspek kawalan kualiti ke atas bahan mentah, kebersihan, pembungkusan, pelabelan produk, susun atur dan reka bentuk kilang mengikut keperluan piawaian Good Manufacturing Practice (GMP), bagaimana membuat cadangan perniagaan termasuklah analisis ekonomi.

Kursus yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan ini adalah di bawah projek pertubuhan Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC) iaitu 'RTC- Enhancing Coastal Community Resilience for Sustainable Livelihood and Coastal Resources Management'.

Projek yang dibiayai oleh Islamic Development Bank (IDB) khusus untuk negara-negara ahli yang mana majoriti penduduknya beragama Islam iaitu Indonesia, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Projek 'RTC- Enhancing Coastal Community Resilience for Sustainable

Livelihood and Coastal Resources Management' juga adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk persisiran yang bergiat dalam industri perikanan agar dapat menggunakan sumber perikanan secara mampan supaya dapat meneruskan aktiviti mereka sebagai mata pencarian dan seterusnya membantu mereka untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

Sebelum Kursus Teknologi Pemprosesan dan Kawalan Kualiti Produk Berasaskan Surimi diadakan, beberapa program latihan telah juga dilaksanakan yang dibiayai oleh projek ini iaitu Program Latihan Maintenance of Yamaha Outboard Motor yang telah diadakan bermula pada 9 hingga 11 Januari 2017, Latihan Maintenance / Restoration of Fishing Net yang telah diadakan pada 16 hingga 17 Januari 2017 dan telahpun dihadiri oleh komuniti nelayan-nelayan di negara ini.

Sementara itu, beberapa program-program latihan yang bersesuaian juga akan terus dikendalikan di bawah projek ini pada masa terdekat ini nanti.

Seorang anggota TLDB memeluk Islam



LASKAR 19892 Andy bin Jalan melafazkan ikrar islamnya di hadapan pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah dan kini dikenali sebagai Muhammad Nazhirul Asrofi bin Abdullah Jalan.

Oleh : Rohani Hajji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

MUARA, Jumaat, 27 Januari. - Seorang anggota Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran diikuti dengan Majlis Pengislaman yang dikendalikan oleh para pegawai dari Unit Pengislaman dan

Bimbingan Saudara Baru, Pusat Da'wah Islamiah dan diserikan dengan Dikir Marhaban diikuti kemudian dengan taburan bunga rampai serta penyampaian cenderahati yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Ls 19892 Andy, TLDB, merupakan anggota ABDB yang pertama memeluk Islam bagi tahun ini dan yang ke-106 sejak tahun 2006.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh 18973 Ls Abd Azim bin Ahmad Fadzillah.

TelBru lancarkan pelan menaik taraf jalur lebar HSBB

Siaran Akhbar : TelBru

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Januari. - Pelanggan yang berminat bagi pelan menaik taraf jalur lebar HSBB TelBru kini boleh berbuat demikian secara 'online' berikutan peningkatan berterusan terhadap perkhidmatan TelBru yang bertujuan untuk menyediakan pengalaman tanpa sempadan.

Selain pembayaran di kaunter, naik taraf dalam talian boleh dibuat melalui aplikasi My TelBru dan My TelBru *online* melalui laman sesawang TelBru sebagai sebahagian daripada inisiatif syarikat yang bertujuan untuk memudahkan peralihan pelan jalur lebar tanpa perlu beratur.

Dalam masa kurang daripada lima langkah mudah penyediaan secara automatik, pengguna yang sedia ada boleh memilih dari senarai TelBru bagi pelan jalur lebar pelbagai caj bulanan, kelajuan jalur lebar dan kuota data dengan menaik taraf serta-merta.

Perkhidmatan ini boleh didapati secara eksklusif bagi pelanggan di rumah-rumah kediaman pada sambungan gentian, di mana langkah pertama memerlukan pelanggan untuk memuat turun aplikasi kemas kini My TelBru terkini yang boleh didapati melalui Google Play bagi pengguna Android dan Apple Store bagi pengguna iOS atau layari terus www.telbru.com.bn.

Untuk maklumat lanjut, para pelanggan digalakkan untuk menghubungi talian Perkhidmatan Pelanggan TelBru 111 atau kunjungi mana-mana platform media sosial TelBru.

Hajat memeluk Islam menjadi kenyataan



MAJLIS Pengislaman bagi Dayang Nur Anna Erwany binti Pitar disaksikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Shamsul Bahrin bin Haji Mohd Hussain (duduk, dua dari kiri).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Jumaat, 27 Januari. - Seorang wanita berbangsa Dusun telah memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dan melafazkan Dua Kalimah Syahadah pada Majlis Pengislaman yang diadakan di rumah kediaman Pitar bin Pangkat di Kampung Rambai, di sini.

Dayang Anna Erwany binti Pitar yang kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Dayang Nur Anna Erwany binti Pitar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd Hussain.

Juga hadir, Ketua Pegawai Ugama

Daerah Tutong, Awang Hasan bin Amat; penghulu-penghulu; ketua-ketua kampung; saudara-mara, saudara baharu yang diraikan serta penduduk sekitarnya.

Terdahulu, Majlis Pengislaman berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan lafaz pengislaman dari saudara baharu yang diraikan diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada saudara baharu yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Semasa ditemui, Dayang Nur Anna Erwany menjelaskan, niat untuk memeluk Islam telah lama timbul apabila nenek beliau telah memeluk

agama Islam dua tahun lalu dan sejak itu beliau mula berfikir untuk memeluk agama suci ini.

Jelasnya, kawan-kawannya yang beragama Islam juga banyak membantu beliau mendalami agama Islam yang mana mereka katanya, juga selalu membawa beliau ke masjid dan ikut menunaikan sembahyang berjemaah.

"Ibu bapa saya juga menerima keputusan saya untuk memeluk agama Islam ini," ujarnya.

Untuk menghalusi kehidupan seorang Muslimah katanya, beliau akan mengikuti kelas mengaji di kediaman ibu saudaranya.

Mengikut statistik Unit Pengislaman, Pejabat, Bahagian Dakwah Daerah Tutong mencatatkan seramai 12 orang sudah memeluk agama Islam sejak awal tahun ini.

Tabung Amal Mangsa Kebakaran terus terima sumbangan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pembangunan Masyarakat



TIMBALAN Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Methanol Brunei Sdn. Bhd. (BMC), Awang Haji Daud bin Haji Jais menyerahkan sumbangan dari Syarikat Methanol Brunei Sdn. Bhd. kepada Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Awang Abdul Rahman bin Haji Apong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Atas dasar pemeduliaan orang ramai dalam membantu meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa kebakaran Kampung Pandai Besi 'A' dan Kampung Lurong Dalam, satu Majlis Penyampaian Sumbangan kepada Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pandai Besi 'A' dan Kampung Lurong Dalam telah diadakan di sini.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), majlis berlangsung di jabatan tersebut, di mana sumbangan berjumlah BND450 diterima dari Syarikat Methanol Brunei Sdn. Bhd. (BMC) yang diserahkan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Awang Haji Daud bin Haji Jais dan diterima oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Awang Abdul Rahman bin Haji Apong.

Majlis turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari JAPEM dan wakil dari BMC.

Berita dan Foto : Ihsan Takmir Masjid Pehin Datu Imam
Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer

29 peserta terima sijil pengurusan jenazah



PEMANGKU Penghulu Mukim Burong Pingai Ayer / Kampung Lurong Dalam, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu (kanan) semasa menyampaikan sijil kepada seorang peserta bengkel tersebut, iaitu Ketua Kampung Burong Pingai Ayer/ Kampung Sungai Asam, Awang Abdul Rahman bin Haji Omar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti,

Kampung Burong Pingai Ayer telah mengadakan Bengkel Pengurusan Jenazah anjuran takmir masjid berkenaan yang diadakan selama dua



PEMANGKU Penghulu Mukim Burong Pingai Ayer / Kampung Lurong Dalam, Awang Haji Abu Bakar bergambar ramai bersama peserta-peserta Bengkel Pengurusan Jenazah.

hari pada 24 hingga 25 Januari lalu.

Seramai 29 peserta mendaftarkan diri untuk mengikuti bengkel berkenaan yang telah difasilitatoran oleh tenaga pengajar dari Masjid Kampung Pengkalan Batu, Awang Haji Mohd. Borhanuddin bin Haji Damit.

Penyampaian sijil-sijil kepada para peserta disampaikan oleh tetamu

kehormat oleh Pemangku Penghulu Mukim Burong Pingai Ayer / Kampung Lurong Dalam, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu.

Antara peserta yang menerima sijil Ketua Kampung Burong Pingai Ayer / Kampung Sungai Asam, Awang Abdul Rahman bin Haji Omar.

Menurut Pengerusi AJK Takmir Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul

Mokti, Awang Haji Asbullah bin Haji Ahmad menjelaskan, berharap dengan adanya bengkel seumpama itu akan dapat menambah lagi keperluan setempat khusus yang berkaitan dengan penyelenggaraan jenazah di kampung berkenaan atau sekurang-kurangnya dapat membantu dalam kalangan keluarga masing-masing.

Cube Junction platform bantu peniaga



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar (dua, kanan) semasa melancarkan Cube Junction.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Dewan Perniagaan dan Industri Brunei Darussalam (NCCIBD), dalam kapasitinya akan memainkan peranan penting untuk menggalakkan inisiatif sektor swasta di negara ini mengenai pembangunan ekonomi tempatan dan perdagangan antarabangsa ke arah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), ASEAN + 3 dan BIMP-EAGA sejajar dengan rancangan strategik kerajaan.

Ketika Negara Brunei Darussalam (NBD) menuju ke arah ekonomi mampan kepada sektor bukan minyak dan gas pada tahun 2035, serta menangani cabaran dan isu-isu semasa, pelan utama NCCIBD akan menumpukan kepada meningkatkan perniagaan melalui platform dalam talian (*online*) cara ASEAN iaitu yang berkaitan dengan produk premium, produk halal, produk nilai tambah, menawarkan perkhidmatan bagi Perusahaan Nano dan Mikro serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Sehubungan itu, bagi membantu

negara dalam meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta mengurangkan kadar pengangguran di negara ini, NCCIBD melancarkan satu platform media sosial melalui www.cubejunction.com, yang merupakan gabungan media sosial dan menjadi pelantar perniagaan generasi-I, Nano dan Mikro, PKS dan e-Dagang perdana bagi rantau ASEAN, ASEAN+3 dan BIMP-EAGA.

Melalui Cube Junction, NBD akan menjadi hab strategik bagi kargo udara yang akan memberi manfaat dan meningkatkan perdagangan ke China, ASEAN, ASEAN+3 dan BIMP-EAGA.

Pelancarannya disempurnakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Puan Yang Terutama Nurul Qomar di Design and Technology Building, Anggerek Desa, di sini.

Di bawah Program Inisiatif Belia dan Kotej di iCentre, Cube Junction merupakan platform e-Dagang Brunei yang diterajui 100 peratus oleh syarikat tempatan dan menggaji 100

peratus pekerja tempatan, dengan rangkaian sosial dalam talian hibrid dan tempat pasaran, mereka bekerjasama rapat dengan syarikat pengangkutan serantau yang berdaftar di Brunei Darussalam, Concord Trans World dan bergabung dengan AFL Logistics Hong Kong untuk meningkatkan perdagangan rentas sempadan bagi industri e-Dagang Brunei Darussalam yang menyediakan Ekonomi Komuniti ASEAN, ASEAN + 3 pasaran dan melangkauinya.

Majlis menandatangani Perjanjian strategik antara Cube Junction (Brunei) dan AFL Logistics (Hong Kong) bagi perkhidmatan logistik dan pautan kargo (Indonesia) membolehkan Cube Junction untuk mengukuhkan kedudukannya di negara-negara lain seperti China, Malaysia, Indonesia dan lain-lain dengan AFL Logistic dan Cargo Link untuk memenuhi penghantaran kargo ke destinasi ASEAN dan China.

Antara objektif Cube Junction ialah untuk mempromosikan perniagaan Nano, Mikro dan PKS dan memasarkan produk secara *online*, dalam negara dan bagi eksport.

Di samping itu, pembeli dan penjual boleh berinteraksi antara satu sama

lain melalui Talian Platform Rangkaian Sosial Cube Junction dan menjalankan perniagaan mereka di tempat pasaran dalam talian Cube Junction.

Cube Junction di bawah program inisiatif sedang aktif dalam beberapa acara, dialog, forum, perbincangan berkumpulan dan mesyuarat yang disokong oleh DARE bago meramalkan keperluan teras PKS negara ini.

NCCIBD menjangkakan platform Cube Junction akan mampu menyelesaikan beberapa isu-isu yang timbul sebelumnya seperti kos dan perbelanjaan startup yang tinggi bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs) seperti: sewa, keperluan pengeluaran (pembungkusan, jentera, peralatan dan lain-lain) dan kapasiti, penyelarasan dan lain-lain akses yang terhad kepada pasaran, pengangguran dan pekerjaan.

Dengan menggalakkan PKS tempatan dan produk mereka secara *online* dan pusat *online to offline*

(O2O) akan mewujudkan pekerjaan sendiri bagi Perusahaan Nano dan Mikro serta perniagaan bagi PKS.

Untuk membolehkan produk tempatan memasuki pasaran *offline* antarabangsa, pelan pengembangan Cube Junction akan mewujudkan pusat O2O dalam ASEAN + 3.

Pada dasarnya, dengan menggunakan Cube Junction, MSMEs dan perusahaan kotej hanya akan memerlukan kos minima dalam operasi dan boleh menjalankan perniagaan mereka dari rumah.

Cube Junction juga menyediakan sistem perkhidmatan penghantaran rumah ke rumah di mana sahaja di seluruh dunia, secara langsung menangani isu pengangkutan utama dan logistik bagi perniagaan kecil di negara ini.

Dari segi kelebihan strategik, sebuah pusat bagi produk halal akan dibangunkan untuk memenuhi produk dari seluruh dunia bagi mengeksport semula Sijil Halal Mekanisme Brunei yang kuat.

Didik generasi muda guna bahasa Melayu dengan betul

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEGAWAI Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Annisa binti Haji Mohsin semasa ditemu bual Pelita Brunei.

TUTONG, Khamis, 26 Januari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam usahanya untuk mengembangkan bahasa Melayu meneruskan lagi Kempen Dudun Bahasa ke sekolah-sekolah rendah di seluruh negara.

Sehubungan itu lebih 100 pelajar terdiri daripada pelajar kelas prasekolah sehingga Tahun 6 Sekolah Rendah Birau menyertai Kempen Dudun Bahasa.

Kempen kali kedua yang diadakan ini diisikan dengan beberapa aktiviti seperti menyusun ayat dengan betul, cara-cara penggunaan kamus, sesi terjemahan dan meluaskan kosa kata berdasarkan kreativiti pelajar, sesi tulisan Jawi serta penggunaan tulisan Jawi.

Terdahulu kempen pertama

Dudun Bahasa telah diadakan di Sekolah Rendah Kasat pada 15 Januari yang lalu.

Antara yang menyertai kempen tersebut ialah wakil-wakil dari Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa yang terdiri daripada Unit Peristilahan (Balairung Istilah), Unit Perkamusan (Junjung Dialek), Unit Penyelidikan (Buana Ria), Unit Penterjemahan (Astana Terjemahan) dan Unit Pelaksanaan Bahasa serta Unit Jawi (Anjung Jawi).

Pegawai Bahasa DBP, Dayang Annisa binti Haji Mohsin semasa ditemui oleh Pelita Brunei menjelaskan tujuan kempen Dudun Bahasa tersebut diadakan yang mana DBP mengambil inisiatif menanai budaya cintakan bahasa di peringkat awal lagi supaya generasi baharu sedar kepentingan bahasa Melayu.

Tambahnya, melalui kempen ini, ia dihasratkan akan dapat mendidik generasi muda menggunakan bahasa Melayu dengan betul.

Sementara itu, Awang Haiqal Fikri bin Saifon, 10, murid Tahun 5 sekolah tersebut pula menjelaskan, aktiviti yang dikendalikan sempena kempen Dudun Bahasa itu dapat memberikan dan meningkatkan ilmu pengetahuan bahasa Melayu.

Di samping itu tambahannya, dengan adanya kempen Dudun Bahasa, beliau dan rakannya senang mendapatkan majalah Mekar yang mana isi kandungan dalam majalah tersebut banyak menggunakan bahasa Melayu.



SEBAHAGIAN daripada pelajar yang mengikuti Kempen Dudun Bahasa yang diadakan di Sekolah Rendah Birau, Tutong.

Media sosial platform pasarkan produk

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Semakin ramai peniaga dan pengusaha kecil-kecilan tempatan menggunakan media sosial sebagai platform bagi memperkenalkan serta memasarkan produk-produk yang dihasilkan seperti kuih-muih, biskut dan makanan serta minuman.

Kaedah penggunaan media sosial bagi memasarkan produk dan perkhidmatan adalah cara yang mudah serta cepat bagi mereka untuk memperkenalkan produk tetapi media sosial tidak direka khusus bagi memasarkan dan menjual produk atau perkhidmatan tetapi ia merupakan wadah untuk menghubungkan rakan-rakan.

Pelita Brunei menemu bual beberapa pengusaha yang berjaya menerokai produk mereka sendiri pada Majlis Pelancaran Cube Junction yang berlangsung di Design and Technology Building, Anggerek Desa.

Dayang Nurr Saffa Az binti Muhammad, 17 tahun yang berasal dari Kampung Sungai Akar menjelaskan minatnya dari kecil untuk mempunyai perniagaan sendiri dan beliau akan meneruskan perniagaannya iaitu Premium High End Beauty Care and Body Care Product.

Walaupun baru berusia 17 tahun, beliau begitu berkeyakinan untuk cuba menjadi seorang usahawan

berjaya, dengan tunjuk ajar dari keluarga yang juga ahli perniagaan maka ianya memudahkan sedikit bagi beliau untuk menjalankan perniagaannya hingga keluar negara seperti Thailand.

Ujarnya lagi, media sosial merupakan langkah pertama yang baik untuk memperlihatkan produk tetapi untuk mengembangkan lagi perniagaan perlu untuk memikirkan cara bagi maju ke peringkat yang lebih tinggi.

Manakala Dayang Zakiah binti Zaini berumur 26 tahun telah



PENGURUS Beaute Rossera Supply, Dayang Nurr Saffa Az binti Muhammad, berusia 17 tahun.

berkecimpung dalam perniagaan tudung sejak bulan April tahun lepas.

Menyentuh mengenai salah satu produk tudung yang ditawarkan ialah *headscarves* yang dapat membantu diri sendiri untuk mencapai kejayaan walaupun baru setahun beroperasi.

Menurutnya, kebanyakan pelanggannya begitu berminat melihat corak terbaharu yang telah dibuat dan direka sendiri oleh beliau dan dengan adanya jualan secara *online*, pelanggan dapat membeli dengan mudah tanpa keluar rumah.



PENGURUS Headscarves by Zakiah Zaini, Dayang Zakiah binti Zaini, berusia 26 tahun.

Karnival pupuk semangat perpaduan penduduk kampung



PENDUDUK Kampung RPN Panchor, Mengkubau tidak melepaskan peluang mencuba permainan tradisional yang dipamerkan di karnival tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Januari. - Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk orang ramai yang berkunjung ke Karnival Warga Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 29 Januari ini.

Menurut Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK)

RPN Panchor Mengkubau, Awang Haji Hairul Azri bin Haji Selamat, karnival tersebut bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan penduduk di sekitar kampung tersebut, di samping untuk menambahkan lagi pendapatan mereka dan memberi galakan kepada penduduk di sekitar Mukim Menteri untuk bergiat aktif dalam kegiatan

perekonomian.

"Selain itu, karnival ini bertujuan untuk memperkenalkan usaha penduduk kampung yang rata-rata bergiat aktif dalam perniagaan *online* dan dari sana kami cuba untuk mengumpulkan mereka dalam satu kegiatan ekonomi," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurut beliau, MPK RPN Panchor Mengkubau juga ingin melihat lebih dekat lagi produk-produk yang dapat diketengahkan sebagai pilihan untuk SatuProduk Satu Kampung termasuk kraf tangan dan makanan kering.

Beliau menjelaskan, pelbagai aktiviti telah dijalankan bermula pada hari ini termasuk pameran dan aktiviti permainan tradisional dikendalikan oleh Jabatan Muzium-Muzium serta peraduan mewarna yang dikendalikan oleh Biro Wanita.

"Pada hari Sabtu pula, kami akan mengadakan Cabaran Memasak anjuran Biro Wanita serta peraduan menulis khat oleh Biro Agama," ujar beliau.

Selain itu, karnival turut dimeriahkan dengan Mengkubau Night Ride yang mana aktiviti berbasikal tersebut merupakan kali kedua dijalankan dan pada tahun lepas, hampir 200 penunggang basikal menyertai acara berkenaan.

Beliau manambah, antara aktiviti-aktiviti yang akan diadakan pada hari Sabtu itu juga adalah Peraduan nyanyian Gegar Mengkubau, sukan bola jaring dan pameran daripada Kelab Kereta Klasik.

Sementara itu, katanya, pertandingan tarik kalat dan bola sepak ala kampung pula akan diadakan pada hari Ahad.

Beliau turut berharap agar penduduk kampung RPN Panchor Mengkubau akan terus menyokong usaha MPK dan peniaga kecil-kecilan dengan hasrat untuk membantu mereka menambahkan pendapatan.

Karnival Warga RPN Panchor Mengkubau diadakan pada pukul 2.00 petang hingga 10.00 malam pada 27 Januari, 8.00 pagi hingga 12.00 malam pada 28 Januari dan 7.00 pagi hingga 8.00 malam pada 29 Januari.



TIMBALAN Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Awang Haji Hairul Azri bin Haji Selamat, semasa ditemu bual Pelita Brunei.



CONGKAK... salah satu permainan tradisional yang diperkenalkan kepada golongan remaja.

Brunei tarik pelancong Korea

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengumumkan matlamatnya untuk menggandakan lagi bilangan ketibaan

pelancong melalui udara dari 218,000 pada tahun 2015 menjadi 450,000 pada tahun 2020.

Berdasarkan statistik yang disediakan oleh KSSUP, lima negara teratas bagi ketibaan pelancong di negara ini terdiri dari negara

Malaysia, China, Republik Indonesia, Filipina dan Republik Singapura.

Sehubungan itu, seramai 128 pelawat dari Incheon Seoul, Korea selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), Berakas, di sini dialu-alukan oleh Pengurus Besar Eksekutif Jualan dan Pemasaran, Brett McDougall.

Terdahulu, Penerbangan Diraja Brunei dan Jabatan Kemajuan Pelancongan mengalu-alukan

penumpang *charter* ke Bandar Seri Begawan dari dua buah bandar Asia, iaitu Xi'an, China dan Seoul, Korea Selatan pada bulan Januari.

"Hanya satu sahaja penerbangan *charter* cara kita boleh menyokong objektif Jabatan Kemajuan Pelancongan. Selalunya *charter* boleh membawa ke laluan udara baharu yang ditambah pada rangkaian syarikat penerbangan itu dan kami gembira untuk mengalu-alukan

pelawat baharu ke Brunei," menurut Brett McDougall.

Pada Sabtu yang lalu, 144 pelancong juga tiba di negara ini menggunakan penerbangan sewa khas pertama dari Xi'an.

Penerbangan mingguan itu beroperasi pada Sabtu secara *seasonal* dan diwujudkan melalui kerjasama di antara Penerbangan Diraja Brunei dan Beijing Longway International Travel Service.



PELANCONG dari Korea semasa sesi bergambar ramai selepas tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Rejimen Pasukan Khas juara Kejuhanan Polo Air ABDB

RIMBA, Jumaat, 27 Januari. - Pasukan Polo Air Rejimen Pasukan Khas (RPK) muncul juara setelah berjaya menewaskan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) dengan jaringan 2-1 pada Kejuhanan Polo Air Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang berlangsung di Kompleks Sukan Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Manakala bagi kejuhanan renang pula, Pasukan Renang RPK meraih kejuaraan pada pertandingan yang telah diadakan pada awal minggu ini dengan merangkul enam pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa.

TDDB tampil naib johan dan tempat ketiga dimenangi oleh Kementerian Pertahanan.

Kejuhanan akhir turut menyaksikan Perlawanan Renang Gaya Bebas Perseorangan 50 Meter yang dimenangi oleh Sarjan Haji Zulamin mewakili RPK, naib johan diraih oleh Bintara Kanan Haji Md. Irwan mewakili Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan tempat ketiga, Lans Kopral Md. Yunus mewakili Kementerian Pertahanan.

Acara kemuncak pada kejuhanan itu ialah Renang 4 X 50 Meter yang menggabungkan pegawai-pegawai peringkat tinggi dan rendah yang disandang oleh TDDB, naib johan diraih oleh TUDB dan RPK menduduki tempat ketiga.

Hadir bagi menyempurnakan hadiah kepada para pemenang ialah



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd Tawih bin Abdullah semasa bersalaman dan diperkenalkan kepada pasukan yang akan bertanding di peringkat akhir Kejuhanan Polo Air ABDB.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman

Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd Tawih bin Abdullah. Kejuhanan Renang dan Polo Air

ABDB 2017 yang bermula pada 23 Januari lalu yang disertai oleh enam pasukan iaitu Kementerian Pertahanan, TDDB, TUDB, TLDB, Institut Latihan ABDB dan RPK.

Skim bola sepak cangkil bakat kanak-kanak

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Jumaat, 27 Januari. - Skim Bola Sepak Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah pun lama wujud lebih kurang 25 tahun yang lalu, dan ia merupakan inisiatif jabatan bagi melahirkan pemain-pemain baharu selain sebagai pendedahan awal sukan bola sepak kepada generasi muda seawal peringkat akar umbi.

Sehubungan itu, satu Majlis Pelancaran Skim Bola Sepak JBS anjuran Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan, JBS dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) diadakan di Padang 'A', Kompleks Sukan Berakas.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed.

Juga hadir Pemangku Setiausaha Agung NFABD, Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Anak Md. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim; Pemangku Ketua Pegawai JBS, Awang Kifli bin Haji Jaafar serta pegawai-pegawai dari JBS.

Atur cara dimulakan dengan para peserta mengambil tempat masing-masing dan diikuti dengan pelancaran sesi menendang bola penalti yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan seterusnya para peserta meneruskan sesi latihan mereka.

Antara tujuan skim tersebut diadakan adalah untuk memberikan kefahaman asas khusus sukan bolasepak, di samping memberikan ilmu pengetahuan, bimbingan serta tunjuk ajar permainan bola sepak secara praktikal khususnya kepada kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun.

Program ini secara tidak langsung juga dapat mencungkil bakat kanak-kanak, selain sebagai satu persediaan jangka masa panjang dalam perancangan bagi pembangunan sukan bolasepak di negara ini.

Skim tersebut diadakan setiap hari Jumaat bermula dari pukul 7.30 hingga 9.30 pagi di Padang 'B', Kompleks Sukan Berakas, manakala bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun (lahir pada tahun 2005-2007) yang berminat untuk menyertai skim tersebut mereka adalah dialu-alukan hadir menyertai skim berkenaan.

Pasukan futsal beri tentangan di Kejuhanan Futsal AFF



PASUKAN futsal yang menyertai Kejuhanan Futsal AFF di Bangkok, Thailand sejurus tiba di tanah air.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Januari. - Pasukan futsal negara telah mempamerkan mutu permainan yang baik walaupun gagal meneruskan ke saringan seterusnya setelah bersaing dengan beberapa pasukan semasa Kejuhanan Futsal ASEAN Football Federation (AFF) 2016 yang berlangsung di Bangkok, Thailand.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengurus Pasukan Futsal, Awang Rosdin bin Haji Abdul Aziz setibanya di tanah air setelah mengetuai pasukan futsal yang mengikuti kejuhanan

berkenaan baru-baru ini.

Menurutnya, di samping turut menurunkan tiga pemain di bawah umur 20 tahun, pasukan futsal yang di bawah bimbingan Jurulatih, Awang Qusmaini telah memperlihatkan corak permainan yang baik sepanjang kejuhanan itu berlangsung.

Semasa berada di Bangkok, pasukan negara yang berada dalam Kumpulan 'A' menyaksikan pertemuan dengan pasukan Timor-Leste dan juara futsal sebanyak 12 kali, Thailand yang masing-masing berkesudahan dengan jaringan 6 - 8 dan 17 - 2.

Terdahulu, Pemangku Timbalan Presiden NFABD, Awang Haji Madli bin Haji Mohd Yusof mengalu-alukan kehadiran pasukan futsal negara. Turut berada di Balai Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Exco NFABD, Awang Bujang bin Haji Japar dan Pemangku Setiausaha Agung NFABD, Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud serta para pegawai kanan NFABD.

Pasukan futsal negara bakal menyertai beberapa kejuhanan termasuk Kejuhanan AFF pada bulan November nanti yang akan diadakan di Viet Nam serta Kejuhanan AFC di bawah umur 20 tahun yang akan berlangsung di Thailand.



HADIR menyempurnakan majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed.

Tahukah Awda

KEMENTERIAN Pembangunan melalui Jabatan Tanah melancarkan Sistem Maklumat Pendaftaran Tanah dan Permohonan Tanah atau 'Registration Information System (LARIS) pada 16 Februari 2016 untuk kegunaan orang ramai.

Sistem tersebut (<https://laris.gov.bn>) digunakan oleh orang ramai bagi mendapatkan permohonan secara dalam talian bagi permohonan 1) Pindah milik tanah; 2) Gadaian tanah; 3) Menyambung tempoh pajakan tanah; 4) Pajakan tanah persendirian dan 5) Tukar syarat khas tanah.

Sementara itu, permohonan pindah milik tanah melalui dalam talian adalah mandatori mulai 1 Februari 2016 dengan menyemak lampiran Tatacara Permohonan Pindah Milik Tanah melalui Sistem LARIS.

SUMBER : Siaran Akhbar Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PASTIKAN BARANG JUALAN ADALAH HALAL DAN MENGIKUT PERATURAN SYARAK

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان متري دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.